وهابي وهابي وهابي

WAHHABI WAHHABI WAHHABI!

apa kata UTHMAN EL-MUHAMMADY

? dan apa ulasan USTAZ RASUL BIN DAHRI

oleh USTAZ RASUL BIN DAHRI



Sinopsis:

Kerancuan pemahaman Uthman El-Muhammdy dalam memahami antara fiqh asy-Syafie dan mazhab as-Syafie amat ketara setelah para pembaca meneliti isi kandungan buku ini. Kegetiran dan ketidak-upayaan Uthman El-Muhammady menghadapi apa yang dituduh sebagai golongan Wahhabi, menjadikan beliau mudah membuat tuduhan bahawa Wahhabi *ekstrem*. Beliau menyebar fitnah bahawa *Fahaman Wahhabi berjaya menggulingkan kerajaan Uthmaniyah dan wajar menjadi peringatan kepada Negara ini*.

Uthman El-Muhammady serkap jarang, belum meneliti sejarah Hijaz secara fakta ilmiyah dan masih gelap sejarah terutamanya yang berkaitan dengan sejarah Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab. Semoga beliau diberi hidayah dan petunjuk oleh Allah dan tidak menjadi bahan ketawaan umat kemudian hari kerana kesilapannya menuduh sembarangan tentang Wahhabi. Buku kecil ini berupa bidasan terhadap kenyataan Uthman El-Muhammady di dalam akhbar Berita Minggu Ahad 22 November 2009.

DAFTAR ISI

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

MUQADDIMAH

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوْذُ بِـــاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا ، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. { يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُـــوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ }. { يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوْا رَبَّكُـــمُ الَّـــذِيْ خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَـــا رِجَالاً كَثِيْرًا وَنِسَآءًا وَاتَّقُوْا اللّٰهَ الَّذِيْ تَسَآءَلُوْنَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا }. { يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللّٰهَ

وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُـــمْ أَعْمَـــالَكُمْ وَيَغْفِـــرْلَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا}. أَمَّا بَعْدُه : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيْث كِتَابُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ اْلأُمُـــوْرِ مُحْدَثَاتُهَا فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلاَلَةٌ وَكُلَّ ضَلاَلَةٍ فِى النَّارِ.

Sudah ratusan tahun Islam masuk ke Nusantara, penduduknya mengaku berpegang dengan mazhab asy-Syafie, kini mazhab asy-Syafie telah dianut oleh jutaan penduduknya, namun rata-rata masyarakat Islam Nusantara dalam persoalan ibadah, akhlak, akidah dan bertawassul dengan roh orang mati (kuburi) masih tidak mahu mengambil fatwa-fatwa Imam asy-Syafie secara sepenuhnya tetapi diatasnamakan jenama asy-Syafie.

Mungkin mereka tidak tahu, tidak sedar atau tidak faham dalam persoalan ini, kerana ramai ulama Nusantara yang tidak sudi mengaitkan pengistilahan Ahli Sunnah wal-Jamaah secara terus dan tulus

kepada Imam asy-Syafie sekalipun mereka mengaku bermazhab asy-Syafie.

Akhirnya orang-orang awam tidak tahu siapa Ahli Sunnah wal-Jamaah yang sebenarnya, kecuali hanya dari suara-suara dan tulisan yang dihasilkan oleh mereka yang mengaku-ngaku sebagai ahli Sunnah wal-Jamaah tetapi membelakangkan para imam seperti Imam asy-Syafie dan para Imam yang bermazhab asy-Syafie.

Buku ini secara umum menjawab persoalan yang ditimbulkan terutamanya oleh Uthman El-Muhammady tentang hal-hal yang berkaitan dengan akidah khususnya. Buku kecil ini (kutaiyib) juga membongkar pembohongan Muhammad Uthman El-Muhammady dalam isu-isu yang didedahkan oleh beliau di BERITA MINGGU hlm 30, Ahad 22 November 2009, RENCANA.

Oleh kerana perkara ini berkaitan langsung dengan persoalan akidah dan membabitkan kesyirikan dan Uthman El-Muhammady tidak membawakan nama-nama para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang muktabar dalam kenyataannya, maka menjadi kewajipan penulis untuk menjelaskan

hukum-ahkamnya melalui al-Quran, hadis-hadis sahih, athar para sahabat dan fatwa-fatwa para ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah (terutama yang bermazhab asy-Syafie) untuk membantah pembohongan beliau yang mengelirukan masyarakat.

Ikuti dan fahamilah isi kandungan buku kecil ini untuk memperolehi kebenaran dan mengenal apakah kesilapan dan pembohongan Uthman El-Muhammady yang asyik mempertahankan kepalsuan dan tuduhan yang tidak berasas di dalam dakwaannya terhadap golongan yang dituduh sebagai Wahhabi. Semoga Allah memberi hidayah kepada Uthman El-Muhammady dan orang-orang yang keliru sepertinya. Dan mudah-mudahan keberkatan Allah limpahkan kepada para pembaca yang budiman setelah selesai membaca buku ini. Amin!

Ikhlas dari:
Rasul Bin Dahri.
Singapura.

MENURUT RENCANA *BERITA MINGGU*

Tajuk utama BERITA MINGGU (*RENCANA*) Ahad 22 November 2009. (Ibadat kerohanian Wahabi berbeza dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah) dan sampingannya (Tanpa ilmu, tasauf atau pengetahuan fardu ain amalan orang Islam tidak mantap) Isu oleh Uthman El-Muhammady:

Menurut Uthman El-Muhammady: Tulisan kali ini bertumpu kepada huraian konsep dan amalan ibadat dan juga hidup kerohanian fahaman Wahhabiyah.

Penjelasan dan rad (bantahan) URD:[1] Kenyataan Uthman El-Muhammady hanya provokasi murahan yang niatnya hanya Allah sahaja yang tahu, tetapi tidak ilmiyah kerana sepanjang melayari tulisan beliau ini, penulis belum temui beliau (Uthman El-Muhammady) mendefinisikan (istilah

---

[1] . URD adalah singkatan dari nama Ustaz Rasul Bin Dahri.

dan pengertian) WAHHABI sebagaimana yang dikehendaki oleh bahasa Arab atau syarak. Tradisi semua penulis Ahli Sunnah wal-Jamaah seperti Imam asy-Syafie, Imam an-Nawawi, Imam Ramli dan selain mereka, mereka semua tidak akan menggunakan sesuatu istilah kecuali diberi pendefinisian terlebih dahulu. Sedangkan sehingga sekarang belum pernah kalimah Wahhabi atau Wahhabiyah ditakrifkan secara ilmiyah oleh beliau atau oleh orang-orang yang seperti beliau.

Uthman El-Muhammady (di RENCANA Ahad 22 November 2009) apabila bersandar kepada ulama, beliau tidak menyatakan nama atau siapakah ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang beliau maksudkan?

Menurut Uthman El-Muhammady: Syahadah golongan ini (Wahhabi) mesti ada lima syarat, barulah mereka selamat menjadi orang Islam, sekali gus hukum Islam berjalan di atasnya, nyawa dan hartanya selamat. Syarat berkenaan ialah menyebut lafaz syahadah, faham ertinya, berikrar mengenai keesaan Tuhan, menyeru kepada-Nya dan kufur terhadap apa yang disembah selain Allah SWT. Huraian seperti ini tidak pernah ada dalam

mana-mana kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah dan hanya ada pada kitab Wahhabi sahaja.

Dalam Ahli Sunnah, apabila orang mengucap syahadah, sah Islamnya, dan selamatlah nyawa dan hartanya. Jikalau dia tidak percaya tetapi disembunyikan daripada orang lain, itu adalah perkara antara dia dan Tuhan dan masyarakat Muslimin masih bergaul dengannya dan menganggapnya masih orang Islam. Mentauhidkan Allah dan beriman kepadanya bererti beribadat dan taat kepada-Nya. Seseorang yang beribadat kepada Tuhan jangan bersikap syirik terhadap-Nya.

SYAHADAH

Ulasan dan penjelasan URD: Tahukah Uthman El-Muhammady syarat diterimanya syahadah (لاَإِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ) *Lailaha-illallah* (yang beliau nafikan) antaranya adalah ilmu. Firman Allah:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ.

"Maka ketahuilah (dengan berilmu), bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan (Yang Hak) melainkan Allah dan mohonlah keampunan bagi dosamu". QS. MUHAMMAD 47:19.

Ilmu menjadi syarat kerana Allah memerintahkan dengan firman-Nya ***"ketahuilah".*** Syarat inilah yang ditentang dan dinafikan oleh Uthman El-Muhammady. Nabi pula bersabda:

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمْ أَنْهُ لاَ إِلَه إِلاَّ اللهُ دَخَلَ الْجَنَّة.

Sesiapa yang mati sedangkan dia tahu (mengenali) bahawa tiada ilah (Tuhan) yang berhak diibadahi melainkan Allah, maka dia masuk syurga". H/R Muslim. No. 26.

Hadis ini mengkhabarkan untuk masuk syurga disyaratkan mengetahui (berilmu) tentang syahadah *Lailaha-illallah*. Dikuatkan dengan firman Allah:

إِلاَّ مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُوْنَ

"Akan tetapi (orang yang dapat memberi syafaat ialah) orang mengetahui yang hak (kalimah tauhid) dan mereka meyakini (dengan ilmu dan pengetahuan)". QS. AZ-ZUKHRUF 43:86.

Allah berfirman hanya orang beriman dan berilmu sahaja yang mengenal Allah. Firman-Nya:

شَهِدَ اللهُ أَنَّهُ لاَ إِلَه إِلاَّ هُوَ وَالْمَلاَئِكَةُ وَأُوْلُوْا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ.

“Allah menyatakan bahawasanya tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Para malaikat dan orang-orang yang berilmu yang menegakkan keadilan juga menyatakan yang demikian itu. Tidak ada tuhan (yang berhak diibadahi) melainkan Dia. Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”. QS. ALI IMRAN 3:18.

Syarat syahadah yang seterusnya adalah keyakinan yang dibina atas ilmu sebagaimana penjelasan Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa-sallam*:

مَنْ لَقِيْتُ مِنْ وَرَاءِ هَذَا الْحَائِطِ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُسْتَيْقِنًا بِهَا قَلْبُهُ فَبَشِّرْهُ بِالْجَنَّةِ.

“Barangsiapa yang menemui aku di sebalik tembuk ini, sedangkan dia bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dengan penuh keyakinan terhadapnya di hatinya, maka berilah khabar gembira kepadanya dengan syurga”. H/R Muslim. Kitabul Iman no. 31.

Selain berilmu dan yakin, termasuk syarat kalimah tauhid ialah memenuhi tuntutannya, iaitu

berdasarkan athar setelah Rasulullah wafat dan setelah Abu Bakar diangkat sebagai Khalifah ada golongan orang-orang Arab yang dihukum murtad kerana enggan membayar zakat. Ketika Abu Bakar ingin memerangi mereka, ‘Umar al-Khattab berkata:

كَيْفَ تُقَاتِلُ النَّاسَ وَقَدْ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُوْلُوْا : لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ فَمَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ فَقَدْ عَصَمَ مِنِّيْ مَالَهُ وَنَفْسَهُ إِلاَّ بِحَقِّهِ وحِسَابُهُ عَلَى اللهِ.

“Bagaimana mungkin engkau memerangi (membunuh) manusia padahal Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam telah bersabda: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka mengatakan (لاَإِلَهَ إِلاَّ اللهُ) (tiada tuhan yang sebenarnya wajib disembah kecuali Allah), maka barangsiapa yang berkata “لاَإِلَهَ إِلاَّ اللهُ” bererti dia telah melindungi harta dan jiwanya dariku (dari diperangi atau dibunuh), kecuali dengan haknya, dan perhitungannya (di Akhirat kelak) diserahkan kepada Allah”.

Pada athar ini jelas Abu Bakr memberi syarat terhadap kalimah (لاَإِلَــه إِلاَّ اللهُ) iaitu menunaikan segala tuntutannya setelah mengucapkannya, berilmu dan yakin. Oleh itu dijawab oleh Abu Bakar:

وَاللهِ لأُقَاتِلَنَّ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الصَّلاَةِ وَالزَّكَاةِ.

"Demi Allah, aku benar-benar akan memerangi (membunuh) orang yang membeza-beazkan antara (kewajipan) solat dan zakat". H/R al-Bukhari no. 728 dan Muslim no.32.

Tidakkah Uthman El-Muhammady tahu bahawa kalimah tauhid (لاَإِلَــهَ إِلاَّ اللهُ) ada rukun, syarat dan tuntutannya. Semuanya itu bukan dari Wahhabi, tetapi dari hadis dan athar para sahabat yang sahih.

Menurut Uthman El-Muhammady: Huraian mengenai konsep tauhid dibahagi tiga secara terpisah perlu disebut lagi kerana mereka menjadikannya alat atau senjata menyamakan orang Islam (kerana tawassul disebut menyembah kubur atau menyembah orang mati) dengan penyembah

berhala, lalu timbul hukum syirik dan orangnya boleh dibunuh, manakala halal darah dan hartanya.

Hujahnya ialah penyembah berhala itu bertauhid dengan tauhid Rububiyah iaitu mengakui Tuhan menjadikan alam, memberi rezeki, berkuasa dan lainnya. Dia menyembah berhala itu sebagai perantara untuk berdampingan dengan Tuhan. Kata mereka, ini sama dengan orang yang mengucap *'Lailaha-illallah'* pergi berdoa di kubur nabi atau kubur orang soleh untuk mendapat berkat sebagai perantara dengan Tuhan bagi mendapatkan hajat.

KONSEP TAUHID

Ulasan dan bantahan URD: Di dalam tulisannya Uthman El-Muhammady amat jelas beliau menolak tauhid tiga serangkai (*Rububiyah*, *Uluhiyah* dan *al-Asma was-Sifat*), sedangkan Imam asy-Syafie dan para ulama yang bermazhab asy-Syafie menyeru kepada tauhid tersebut dan telah berfatwa tentang tauhid *al-Asma was-Sifat*:

نُثْبِتُ هَذِهِ الصِّفَاتِ الَّتِيْ جَاءَ بِهَا الْقُرْآنُ ، وَوَرَدَتْ بِهَا السُّنَّةُ ، وَنَنْفِيْ التَّشْبِيْهَ عَنْهُ ، كَمَا نَفَى عَنْ نَفْسِهِ ، قَالَ : (لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ).

"Kami menetapkan sifat-sifat Allah yang disebutkan di dalam al-Quran dan as-Sunnah dan kita juga meniadakan peyerupaan sebagaimana Allah meniadakan penyerupaan itu dari diri-Nya di dalam firman-Nya (Tidak ada sesuatu yang serupa

dengan-Nya)”. QS. ASY-SYURA 42:11. Lihat: Syi’ar A’lam an-Nubala. (20/341). Az-Zahabi.

Tauhid *al-Asma was-Sifat* dianggap oleh Uthman El-Muhammady sebagai alat yang digunakan oleh Wahhabi untuk menyamakan orang Islam dengan penyembah berhala. Uthman El-Muhammady sewajarnya memahami fatwa Imam asy-Syafie dan para ulama yang bermazhab asy-Syafie tentang tauhid *Rububiyah*, *Uluhiyah* dan *al-Asma was-Sifat*. Ar-Rabi’ Bin Sulaiman seorang murid kanan Imam asy-Syafie menyeru kepada tauhid *al-Asma was-Sifat*, beliau berkata:

وَقَدْ رُوِيَ عَنِ الرَّبِيْعِ وَغَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ رُؤُوْسِ أَصْحَابِهِ مَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّهُ كَانَ يُمِرُّ بِآيَاتِ الصِّفَاتِ وَأَحَادِيْثِهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيْفٍ وَلاَ تَشْبِيْهٍ وَلاَ تَعْطِيْلٍ وَلاَ تَحْرِيْفٍ عَلَى الطَّرِيْقِ السَّلَفِ.

“Dan telah diriwayatkan dari ar-Rabi’ salah seorang murid Imam asy-Syafie yang paling kanan dan beberapa sahabat yang senior yang

menunjukkan bahawa dia mengikuti ayat-ayat dan hadis-hadis sifat-sifat Allah seperti apa adanya tanpa takyif (tanpa ditanya, dibincang dan dipersoalkan bagaimana sifat tersebut), tanpa tasybih (tanpa diserupakan), tanpa ta'til (tidak diingkari atau dibatalkan) dan tanpa tahrif (tidak diubah atau ditukar) begitulah cara yang sesuai dengan cara Salaf". Lihat: Al-Bidayah wan-Nihayah 10/694. Ibnu Kathir.

Begitulahlah akidah tauhid Imam asy-Syafie dan akidah anak muridnya dalam berpegang dengan tauhid *al-Asma was-Sifat*. Tauhid *Rububiyah* diyakini juga oleh orang-orang musyrikin, tetapi diingkari oleh Uthman El-Muhammady, sedangkan al-Makrizy (776-845) seorang ulama bermazhab asy-Syafie telah menjelaskan tentang tauhid *Rububiyah* dan tauhid *Uluhiyah*, beliau berkata:

وَلاَ رَيْبَ أَنَّ تَوْحِيْدَ الرُّبُوْبِيَّةِ لَمْ يُنْكِرْهُ الْمُشْرِكُوْنَ ، بَــلْ أَقَرُّوْا بِأَنَّهُ سُبْحَانَهُ وَحْدَهُ خَالِقُهُمْ ، وَخَــالِقُ الــسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ، وَالْقَائِمُ بِمَصَالِحِ الْعَالَمِ كُلِّهِ ، وَإِنَّمَا أَنْكَــرُوْا

تَوْحِيْدَ اْلإِلَهِيَّة ، فَتَوْحِيْدِ الرُّبُوْبِيَّةِ هُوَ الَّذيْ اجْتَمَعَتْ فِيْــه الْخَلاَئِقِ مُؤْمِنُهَا وَكَافِرُهَا ، وَتَوْحِيْدُ اْلإِلَهِيَّة مَفْرَقُ الطُّرُقِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

"Tidak diragukan bahawa kaum musyrikin tidak mengingkari tauhid Rububiyah, bahkan mereka mengakui, bahawa Allah sematalah Yang Mencipta mereka, Yang Menciptakan langit dan bumi. Dan Yang mengurus urusan seluruh jagat raya ini. Yang mereka ingkari hanyalah tauhid Uluhiyyah. Oleh itu tauhid Rububiyah adalah tauhid yang disepakati oleh seluruh makhluk baik yang beriman atau yang kafir, sedangkan tauhid Uluhiyah ialah di persimpangan jalan yang memisahkan antara kaum mukminin dan kaum musyrikin". Lihat: Tajrid at-Tauhid al-Mufid. Hlm. 40-41.

Di dalam tulisannya Uthman El-Muhammady dan orang-orang yang semisal dengannya menolak tauhid *al-Asma was-Sifat waz-Zat*, menafikan Allah mempunyai sifat seperti muka, tangan, kaki dan yang

lainnya, penolakan beliau bertentangan dengan hadis sahih bahawa Rasulullah bersabda:

تَرَوْنَ رَبَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةَ كَمَا تَرَوْنَ الْقَمَرَ لاَ تَضَامُوْنَ فِــى رُؤْيَتِهِ.

“Kamu akan melihat Tuhan kamu (Allah) dihari Kiamat sebagaimana melihat bulan, tidak ada yang dapat menghalangi kamu pada melihat-Nya”. H/R Bukhari dalam kitab Sahihnya.

Bagaimana untuk melihat Allah jika Dia tidak mempunyai muka dan sifat-sifat yang lainnya sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran, hadis-hadis sahih, athar para sahabat dan fatwa-fatwa para ulama muktabar?

Menurut Uthman El-Muhammady: Kata pengasas golongan Wahhabi ia seperti penyembah berhala yang menyembah berhala yang ini menyembah kubur lalu dipanggil kuburiyun penyembah kubur. Istilah ini hanya ada pada golongan Wahhabi sahaja tidak pada golongan lain.

KUBURIYUN

Ulasan dan bantahan URD: Lihatlah, beliau telah menolak tauhid tiga serangkai yang dipertahankan oleh Imam asy-Syafie, para ulama Salaf as-Soleh dan para ulama Syafieyah. Alangkah baiknya jika Uthman El-Muhammady mengkaji secara komprehensif tentang kontroversi akidah Imam asy-Syafie dan akidah Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab yang menyentuh tentang ***kuburi*** sebelum membuat tuduhan? Kerana tuduhan Uthman El-Muhammady yang mengaitkannya tauhid *Rububiyah* dengan penyembahan kubur dan menolak pengistilahan ***kuburi*** adalah sangat berat dan serius. Uthman El-Muhammady perlu memahami ***Apa Itu Kuburi*** menurut prospektus mazhab asy-Syafie agar tidak keliru dan membuat kesilapan.

Kuburi قُبُــرِيٌّ berasal dari bahasa Arab tulin. Maksud *kuburi* ialah setiap perbuatan yang dinasabkan kepada pemujaan kubur atau roh secara ghulu (keterlaluan). ***Kuburi*** juga bermaksud:

"Sesuatu amalan atau kepercayaan yang membawa kepada pemujaan, pensucian (mentaqdis), memuliakan dan mencintai kubur serta roh orang mati (mayat). Atau ghulu (keterlaluan) sehingga bertawassul dengan cara menyeru, meminta dan memohon (berdoa) kepada orang yang telah mati terutama di kubur-kubur mereka".

Amalan ***kuburi*** haram hukumnya kerana boleh membawa kepada syirik besar. Wajib ditinggalkan dan dihapuskan oleh para alim ulama yang mengaku bermazhab asy-Syafie. Kerana amalan ia telah diharamkan oleh Imam asy-Syafie dan para ulama besar yang bermazhab asy-Syafie. Antara amalan yang dianggap ***kuburi*** ialah:

1. Membina masjid di tanah perkuburan, mengkebumikan mayat di dalam masjid atau di kawasan tanah masjid.

2. Sengaja solat wajib atau sunnah di kubur atau di masjid yang ada kubur, sama ada di dalam, di luar atau di persekitarannya.

3. Sengaja solat wajib atau sunnah menghadap kubur atau mayat (kecuali solat jenazah).

4. Meminta (menyeru), berdoa atau bertawassul kepada orang mati (mayat) di kuburan atau di luar perkuburan, sama ada roh wali, Nabi atau para Rasul.

Pengharaman amalan ***"kuburi"*** berdasarkan hujah-hujah dari syarak, fatwa para ulama Salaf as-Soleh, para ulama yang bermazhab asy-Syafie serta fatwa Imam asy-Syafie *rahimahullah*:

قَوْلُ الشَّافِعِي: وَاَكرَهُ اَنْ يبْنَى عَلَى الْقَبْرِمَسْجِدَ . فِى عِبَارَةِ الشَّافِعِيَّةِ الْمُتَقَدِّمَةِ خَاصَةً عَلَى الْكَرَاهَةِ التَّحْرِيْمِيَّةِ ، لاَنَّهُ هُوَ الْمَعْنَى الشَّرْعِي الْمَقْصُوْد فِى الاسْتِعْمَالِ الْقُرْآنِ وَلاَشَكَّ اَنَّ الشَّافِعِيَّ مُتَاَثِّرٌ بِاُسْلُوْبِ الْقُرْآنِ غَايَةُ التَّاْثِيْر ، فَقَدْ قَالَ تَعَالَى : (وَكَرَّهَ اِلَيْكُمْ الْكُفْرَ وَالْفُسُوْقَ وَالْعِصْيَانَ) وَهَذَا كُلُّهَا مُحَرَّمَات.

"Qaul asy-Syafie: Aku memakruhkan membina masjid di atas kubur. Dalam ungkapan Imam asy-Syafie yang lalu ia maksudkan makruh yang haram, kerana itulah makna yang dimaksudkan oleh syarak dalam penggunaan al-Quran. Tidak syak lagi asy-Syafie terkesan dengan uslub al-Quran dengan kesan mendalam sebagaimana difirmankan oleh Allah Ta'ala: Menjadikan kamu benci كــرَّهَ kekafiran, kefasikan dan kedurhakaan.[2] Yang mana semuanya ini telah dimakruhkan (diharamkan) oleh al-Quran". [3]

Qaul Imam asy-Syafie ini berdasarkan dalil:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَــلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَكْرَهُ اَنْ يُبْنَى مَسْجِدَ بَيْنَ الْقُبُوْرِ.

"Dari Anas beliau berkata: Rasulullah telah memakruhkan (makruh yang bermaksud haram) membina masjid di antara kuburan". H/R Ibn Abi Syaibah 2/185. Perawinya thiqah termasuk perawi

---

[2]. Al-Hujurat, 49:7.

[3]. Lihat: (تحذير الساجد اتخاذ القبور مساجد) hlm.51-52. Nasruddin al-Albani.

Bukhari dan Muslim. Diriwayatkan oleh Abu Bakar Bin al-Athram juga di (فتح البارى) dari Ibn Rejab 1/81/65 dari al-Kawakib.

عَنْ اِبْرَاهِيْم النَّخْعِي اَنَّهُ يَكْرَهُ اَنْ يَجْعَلَ عَلَى الْقَبْرِ مَسْجِدًا.

"Dari Ibrahim an-Nakh'ie: Sesungguhnya Nabi menegah (makruh yang bermaksud tegahan kerana haramnya) orang yang mendirikan masjid di atas perkuburan". H/R Ibnu Abi Syaibah 4/134 dengan sanadnya yang sahih.

Dalil di atas ini juga mengharamkan solat di masjid atau surau yang ada kubur, sama ada di dalam, di luar, di persekitaran, di masjid besar, di masjid kecil, di masjid lama, masjid baru atau di musalla, maka solat di tempat-tempat tersebut makruh yang bermaksud makruh yang haram hukumnya berdasarkan hadis-hadis sahih:

كَقَوْلُهُ تَعَالَى : كُلُّ ذَلِكَ كَانَ سَيِّئُهُ عِنْدَ رَبِّكَ مُكْرُوْهًا.

"Sebagaimana firman Allah Ta'ala: Semuanya itu adalah kejahatan yang amat dibenci "diharamkan" (مَكْرُوْهًا) ***di sisi Tuhanmu".***[4]

Imam asy-Syafie mengharamkan solat wajib atau sunnah di perkuburan kecuali solat jenazah, berdasarkan hadis.

عَنْ اَبِيْ مَرْثَدِ الْغَنَوِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : لاَ تُصَلُّوْا اِلَى الْقُبُوْرِ وَلاَ تَجْلِسُوْا عَلَيْهَا.

"Dari Abu Marsad al-Ghanawi beliau berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Janganlah kamu solat menghadap kubur dan janganlah duduk di atasnya". H/R Muslim, 3/62. Abu Daud. Ahmad, Nasaii dan Turmizi.

لاَ تُصَلُّوْا اِلَى قُبْرٍ وَلاَ تُصَلُّوْ ا عَلَى قَبْرٍ.

---

[4]. Al-Isra, 17:38.

“Janganlah kamu solat menghadap kubur, dan janganlah solat di atas kubur”. H/R Tabrani dalam (المعجم الكبير) 3/145. Al-Muqaddisi dalam (المختــار). Menurut al-Albani: Hadis ini sahih.[5]

Al-Manawi berkata tentang solat menghadap kubur atau duduk di atas kubur: ***“Iaitu menjadikan kubur di sebelah kiblat”.***[6] Lihat keterangannya dalam (فيض القدير):

Terdapat banyak tanah wakaf masjid, surau, musalla atau madrasah dijadikan perkuburan. Antara tujunnya agar mudah membacakan ayat-ayat al-Quran terutama al-Fatihah, mengambil berkat atau bertawassul kepada mayat. Sejak zaman Jahiliyah sentiasa ada penghalang untuk meyakinkan masyarakat bahawa ***kuburi*** bertentangan dengan tauhid. Rasulullah mengharamkannya kerana ia membawa kepada kesyirikan. Orang-orang Islam boleh diperangkap oleh syaitan supaya melakukan berbagai-bagai kesyirikan melalui amalan ***kuburi*** sebagaimana yang berlaku kepada kaum Yahudi:

---

[5]. Lihat (تحذير الساجد) hlm. 31.

[6]. Ibid.

"Orang-orang Yahudi sujud kepada kubur para Nabi mereka bertujuan untuk memuliakannya. Dijadikan kubur-kubur tersebut di sebelah kiblat dengan cara menghadapkan solat mereka ke kubur. Akhirnya kubur tersebut menjadi berhala. Oleh itu, mereka dilaknat oleh Allah. Maka ditegah orang-orang Islam dari melakukan seperti mereka (Yahudi)".[7]

Apakah Uthman El-Muhammady akan terus membiarkan kubur di kawasan atau di dalam masjid sedangkan ia diharamkan oleh Imam asy-Syafie? Fahamilah sabda Rasulullah yang dijadikan hujah oleh Imam asy-Syafie dalam mengharamkan solat di masjid yang ada kubur, menanam mayat di kawasan masjid atau di tanah wakaf masjid, sedangkan fatwa Imam asy-Syafie berdasarkan sabda Rasulullah:

عَنْ اَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُــوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اَلاَرْضُ كُلُّهَــا مَــسْجِدٌ ، اِلاَّ الْمَقْبَرَةَ وَالْحَمَّامُ.

---

[7]. Ibid.

"Dari Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu: Bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Bumi ini keseluruhannya tempat bersujud kecuali kubur dan tandas". H/R Abu Daud (492). Darimi (1/322). Ibn Majah (745). Ahmad, Turmizi, Hakim dan Ibn Hibban. Hadis sahih.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ : اِنَّ مِنْ شِرَارِ النَّاسِ مَنْ تُدْرِكُهُ السَّاعَةُ وَهُمْ اَحْيَاءٌ ، وَمَنْ يَتَّخِذُ الْقُبُوْرَ مَسَاجِدَ.

"Dari Abdullah bin Masoud radiallahu 'anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Sesungguhnya sekeji-keji manusia ialah orang yang menemui kejadian Kiamat sedangkan mereka masih hidup, seterusnya orang yang menjadikan kubur sebagai masjid". H/R Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban, Ibnu Abi Syaibah, Tabrani di dalam Mu'jam al-Kabir, Abu Nuim dan Abu Ya'la. Hadis sahih.

عنْ عَائشَةَ   رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : اَنَّ أُمَّ حَبِيْبَةَ وَأُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرَتَا كَنِيْسَةً رَاَيْنَهَا بِالْحَبَشَةِ فِيْهَا تَصَاوِيْرُ ، فَذَكَرَتَا ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : اَنَّ اُوْلَئِكَ اذَا كَانَ فِيْهِمْ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنُوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا ، وَصَوَّرُا فِيْهِ تِلْكَ الصُّوَرَ ، فَاُوْلَئِكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"Dari 'Aisyah ia berkata: Sesungguhnya Ummu Habibah dan Ummu Salamah pernah menerangkan kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam tentang gereja yang mereka lihat di negeri Habsyah yang di dalamnya terdapat gambar-gambar (orang yang telah mati). Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Sesungguhnya mereka itu apabila ada di kalangan mereka orang soleh yang mati, mereka membina masjid di kuburannya, lalu mereka buat gambar di dalamnya. Mereka itulah sekeji-keji makhluk di sisi Allah pada hari Kiamat". H/R Bukhari (1/111-112). Muslim, (2/66-67). Ahmad, (6/51). Ibn Abi Syaibah, (4/140). Baihaqi, (4/51) dan an-Nasaii.

Berkata al-Hafiz Ibnu Rejab yang tercatit di dalam kitab (فـــتح البـــارى): ***"Hadis ini dalil yang menunjukkan tentang haramnya membina masjid di atas kubur orang-orang soleh dan meletak gambar di dalam masjid sebagaimana yang dilakukan oleh Nasara (terhadap gereja mereka)***".[8]

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : اَنَّ النَّبِيَّ صَـــلَّى اللهُ عَلَيْـــهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الصَّلاَةِ بَيْنَ الْقُبُوْرِ.

"Dari Anas radiallahu 'anhu berkata: Sesungguhnya Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam melarang mendirikan solat di antara kubur-kubur".[9] Hadis sahih riwayat al-Bazzar. Lihat: Majmuk az-Zawaid (2/27).

لَعَنَ اللهُ الْيَهُوْدَ وَالنَّصَارَى اتَّخَذُوْا قُبُوْرَ اَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ.

"Allah melaknat Yahudi dan Nasrani yang telah menjadikan kubur-kubur Nabi mereka sebagai

---

8. Lihat: (تحذير الساجد) hlm. 17. Al-Albani.

9. Menurut Haitami para rawinya adalah perawi yang sahih.

masjid-masjid". H/R Bukhari, 2/106. Muslim, 2/67. Ahmad, 6/80, 121, 255

وَاَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلّٰهِ فَلاَ تَدْعُوْا مَعَ اللّٰهِ اَحَدًا.

"Sesungguhnya masjid-masjid itu milik Allah, maka janganlah kamu sekutukan doa kamu kepada Allah dengan yang lain".

Melalui hadis-hadis di atas, para ulama asy-Syafieyah berfatwa sebagaimana terdapat di dalam (التهــذيب) dan syarahnya (المجمــوع) bahawa telah ijmak tentang haramnya menjadikan kuburan sebagai masjid dan solat di masjid yang ada kubur, kerana jelas haramnya ***kuburi*** dan dilaknat oleh Allah para pelakunya.[10] Sabda Rasulullah:

لَعْنَةُ اللّٰهِ عَلَى الْيَهُوْدَ والنَّصَارَى اتَّخَذُوْا قُبُــوْرَ اَنْبِيَــائِهِمْ مَسَاجِدَ يُحَذِّرُ مِثْلَ مَا صَنَعُوْا.

---

[10]. Lihat: (تحذير الساجد) hlm. 51. al-Albani.

“Laknat Allah ke atas Yahudi dan Nasrani yang telah menjadikan kubur-kubur Nabi mereka sebagai masjid-masjid (tempat beribadah).

Kini telah berlaku di kalangan umat Islam sebagaimana yang dijelaskan oleh ‘Aisyah iaitu menakut-nakutkan orang yang tidak membuat bid’ah ***kuburi*** sebagaimana kenyataan dari hadis:

Berkata ‘Aisyah: mereka (ketua-ketua agama) menakut-nakutkan umatnya seperti apa yang mereka (Yahudi dan Nasrani) lakukan”. H/R Bukhari 1/112. Muslim 2/67. Ahmad 1/218, 6/34, 229 dan 275. Darimi 1/327. Baihaqi 4/80. Nasaii.

قَاتَلَ اللهُ الْيَهُوْدَ وَالنَّصَارَى اتَّخَذُوْا قُبُوْرَ اَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ.

“Semoga Allah membinasakan Yahudi dan Nasrani yang telah menjadikan kubur para Nabi mereka sebagai masjid-masjid”. H/R Bukhari, 1/112,113. Muslim, 11/67. Ahmad, 11/283, 366, 453 dan 518. Abu Daud (3227) dan Baihaqi.

Menurut Uthman El-Muhammady: Dalam ajaran Ahli Sunnah dibenarkan melawat kubur dan

berdoa di situ untuk keampunan ahli kubur atau memohon kepada Tuhan dengan berkat orang soleh supaya Tuhan menunaikan hajatnya. Ini diharuskan dan hadisnya ada diriwayatkan dalam kitab yang panjang.

MENGHARAMKAN ZIARAH KUBUR

Ulasan dan bantahan URD: Uthman El-Muhammady sama ada tidak tahu atau pura-pura tidak tahu bahawa tidak ada walau sebuah kitab yang ditulis oleh orang yang dituduh sebagai Wahhabi yang mengharamkan menziarahi kubur atau berdoa di kuburan. Sepatutnya beliau menghindari friksi-friksi yang cenderung dan cepat menuduh orang-orang yang beliau dan konco-konco beliau anggap sebagai Wahhabi secara tidak sehat dan jauh dari prinsip keilmiyahan Islam.

Menziarahi kubur dan amalan ***kuburi*** amat berbeza, Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab (yang sering dimomok-momokkan oleh golongan yang sekongkol dengan Uthmam El-Muhammdy), beliau dituduh mengharamkan ziarah kubur dan berdoa di kuburan sedangkan beliau hanya mengharamkan amalan ***kuburi***, kerana ***kuburi*** bukan bermaksud melarang ziarah kubur, tetapi ***kuburi*** ialah amalan mungkar yang telah diharamkan oleh

al-Quran, al-Hadis, athar sahabat dan para ulama Salaf as-Soleh terutamanya Imam asy-Syafie.

Mungkin kerana kurang fahamnya Uthman El-Muhammady tentang ***kuburi***, maka disangkanya bermaksud melarang menziarahi kubur dan berdoa di kuburan, sedangkan Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab hanya menyeru agar ditinggalkan amalan bid'ah dan syirik yang berkaitan dengan pemujaan kubur atau roh orang mati ***(kuburi).***

Telah sepakat para ulama Islam membolehkan memohon kepada Allah dengan berkat orang soleh supaya Allah menunaikan hajatnya. Tetapi AWAS! Ia dibolehkan jika orang soleh tersebut masih hidup, dan tidak pernah ada hadis-hadis sahih yang mengizinkan untuk berperantaraan (bertawassul) atau berwasitah dengan orang yang sudah mati, kerana pengertian doa adalah *ibadah* yang tidak dibolehkan berdoa kecuali kepada Allah sahaja, tidak boleh disekutukan dengan yang lain sebagaimana fatwa Imam asy-Syafie yang berdasarkan sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*:

عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَــلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : اَلدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ ، ثُمَّ قَرَأَ : (وَقَــالَ رَبُّكُمْ ادْعُوْنِيْ اَسْتَجِبْ لَكُمْ).

"Dari Nu'man bin Basyir, dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Doa itu adalah termasuk ibadah. Kemudian baginda membaca ayat (dan telah berfirman Rabbmu, berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Aku perkenankan)". Hadis sahih riwayat Abu Daud (1479). Ahmad 4/267, 271, 276, 277. Bukhari dalam Adab al-Mufrad (714). Hakim, 1/491. Ibnu Majah (3828). Ibnu Hibban (2397). Dan Turmizi**.**

Oleh kerana doa itu permohonan yang merupakan ibadah, maka tidak boleh dipohon kepada siapapun makhluk di alam ghaib, sama ada para malaikat, jin, roh orang mati seperti roh para rasul, nabi, tok guru, syeikh yang disucikan atau wali, kecuali boleh dipohon atau diseru hanya kepada Allah sahaja sebagaimana firman-Nya:

فَلاَ تَدْعُ مَعَ اللهِ اِلَهًا آخَرَ فَتَكُوْنَ مِنَ الْمُعَذِّبِيْنَ.

“Maka janganlah kamu menyeru tuhan yang lain di samping Allah, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang diazab”. QS. ASY-SYURA 26:213.

وَلاَ تَدْعُ مَعَ اللهِ اِلَهًا آخَرَ لاَ اِلَهَ اِلاَّ هُوَ.

“Janganlah kamu seru di samping Allah seruan apapun kepada yang lain, tiada Tuhan yang berhak (yang wajib) diibadahi (diseru) selain Dia”. QS. AL-QASAS 28:88.

Amalan ***kuburi*** yang dinyatakan di atas adalah keji, dosa besar, dilaknat dan syirik hukumnya sebagaimana yang telah difatwakan oleh Imam asy-Syafie yang berhujahkan firman Allah:

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللهِ إِلَهًا آخَرَ لاَ بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لاَ يُفْلِحُ الْكَافِرُوْنَ.

“Dan sesungguhnya barangsiapa yang menyeru seruan yang lain di samping menyeru Allah, padahal tidak ada satu pun dalil baginya melakukan hal itu, maka sesungguhnya perhitungannya di sisi Rabbnya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak beruntung”. QS. AL-MUKMINUN 23: 117.

Serulah Allah kerana Allah berjanji akan memperkenankan seruan hamba-Nya. Firman-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أُدْعُوْنِيْ أَسْتَجَبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِيْنَ يَسْتَكْبِرُوْنَ عَنْ عِبَادَتِيْ سَيَدْخُلُوْنَ جَهَنَّمَ دَاخِرِيْنَ.

“Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah (mintalah) kamu kepada-Ku, nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya yang menyombong diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina-dina”. QS. AL-MUKMIN , 40:60.

Janganlah menyeru mayat di dalam kubur, selain ada larangan dari syarak, si Mayat tidak boleh

berbuat apa-apa dan tidak boleh mendengar seruan manusia. Allah '*Azza wa-Jalla* berfirman:

إِنَّكَ لاَ تُسْمِعُ الْمَوْتَ.

"Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang mati itu mendengar". QS. AN-NAHL 16:80.

ذَلِكُمُ اللهُ رَبُّكُمْ لَهُ الْمُلْكُ وَالَّذِيْنَ تَدْعُوْنَ مِنْ دُوْنِهِ مَا يَمْلِكُوْنَ مِنْ قِطْمِيْرٍ. إِنْ تَدْعُوْهُمْ لاَ يَسْمَعُوْا دُعَآءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوْا مَا اسْتَجَابُوْا لَكُمْ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُوْنَ بِشِرْكِكُمْ وَلاَ يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيْرٍ.

"Yang (tersebut) demikian itulah Allah Tuhanmu, kepunyaan-Nyalah kerajaan. Dan orang-orang yang kamu seru (sembah) selain Allah tiada mempunyai apa-apa walaupun setipis kulit ari. Jika kamu menyeru mereka, mereka tiada mendengar seruanmu, dan kalaupun mereka mendengar, mereka tidak akan dapat memperkenankan permintaanmu. Dan di hari

Kiamat mereka akan mengingkari kemusyrikanmu dan tidak ada yang dapat memberikan keterangan kepadamu sebagai yang diberikan oleh Yang Maha Mengetahui”. .QS. FATHIR 35:13-14.

Telah sepakat jumhur ulama besar bermazhab as-Syafie, bahawa bertawassul, meminta pertolongan atau berdoa (menyeru) dengan berperantaraan makhluk yang berada di alam ghaib seperti malaikat, jin, roh orang yang telah mati atau benda-benda mati adalah syirik besar hukumnya, kerana kita tidak tahu hakikat keadaan mereka yang di alam ghaib dan tidak pernah ada fatwa dari Imam asy-Syafie atau para ulama yang bermazhab asy-Syafie yang membenarkannya. Mereka semua tidak mengetahui yang di alam ghaib kecuali berpandu dan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui tentang yang ghaib, kerana Allah telah berfirman:

قُلِ ادْعُوْا الَّذِيْنَ زَعَمْتُمْ مِنْ دُوْنِهِ فَلاَ يَمْلِكُوْنَ كَشْفَ الضُّرِّ عَنْكُمْ وَلاَ تَحْوِيْلاً.

“Katakanlah, serulah mereka yang kamu anggap selain Allah, maka mereka tidak akan mempunyai kekuasan untuk menghilangkan bahaya

daripadamu dan tidak pula mampu menghilangkannya”. QS. AL-ISRA 17:56.

Oleh kerana itu, Abdullah bin Masoud membantah amalan bertawassul dengan sesiapapun makhluk yang berada di alam ghaib, kerana kita tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku kepada mereka. Abdullah bin Masoud berhujahkan firman:

حَدِيْثُ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِى قَوْلِهِ عَزِّ وَجَلَّ (أُوْلَئِكَ الَّذِيْنَ يَدْعُوْنَ يَبْتَغُوْنَ إِلَى رَبِّهِمُ الْوَسِيْلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ) . قَالَ : كَانَ نَفَرٌ مِنَ الْجِنَّ أَسْلَمُوْا ، وَكَانُوْا يُعْبَدُوْنَ ، فَبَقِيَ الَّذِيْنَ كَانُوْا يَعْبُدُوْنَ عَلَى عِبَادَتِهِمْ ، وَقَدْ أَسْلَمَ النَّفَرُ مِنَ الْجِنِّ.

Hadis dari Abdullah bin Masoud radiallahu ‘anhu mengenai firman Allah: (Itulah mereka yang mendakwa bahawa mereka mencari jalan penghubung kepada tuhan mereka. Siapakah di kalangan mereka yang paling dekat dengan tuhan mereka dengan katanya: Ada sekelompok jin yang telah memeluk Islam, dan sebelum ini mereka

disembah oleh manusia, maka orang-orang yang menyembah itu tetap sahaja menyembah mereka iaitu jin walaupun mereka iaitu jin tersebut telah memeluk Islam”. H/R Bukhari no. 4345. Muslim no.5356.

Doa atau seruan secara bertawassul kepada orang yang telah mati samalah seperti menyeru orang mati, kerana menurut hadis sahih doa adalah *ibadah* yang tidak boleh mengibadahi orang mati dengan berdoa kepada mereka. Orang yang sudah mati terputus dengan dunia kecuali jika ada tiga perkara sebagaimana sabda Rasulullah:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ كُلُّهُ إِلاَّ مِنْ ثَـــلاَثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْ لَهُ.

“Apabila seseorang manusia meninggal dunia, semua amalannya terputus, kecuali tiga perkara: Sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya”. H/R Muslim no. 3048. At-Tirmizi no. 1298. An-Nasaii no. 3591. Abu Daud no. 2494 dan Ahmad no. 8489 dalam Musnadnya.

Pelihara pesanan para Salaf as-Soleh:

لَوْكَانَ خَيْرًا لَسَبَقُوْنَ إِلَيْهِ.

"Jika sekiranya hal tersebut bagus, tentu mereka (para Salaf as-Soleh) telah lebih dahulu melakukannya daripada kita".

Melalui hujah, dalil dan penjelasan di atas, maka haram hukumnya bertawassul (berperantara) dan menyeru makhluk yang di alam ghaib, termasuk roh-roh orang yang telah mati, jin dan para malaikat.

Menurut Uthman El-Muhammady: "Dibolehkan memohon kepada Tuhan dengan berkat orang soleh (yang sudah mati) supaya Tuhan menunaikan hajatnya".

PERKATAAN MUNGKAR

Sangahan URD: Perkataan Uthman El-Muhammady ini mungkar, tidak berdalilkan al-Quran, Hadis, athar atau qaul ulama muktabar. Beliau perlu sedar kerana apa yang beliau katakan inilah sebenarnya yang dinamakan ***kuburi***, dihukum syirik oleh para ulama bermazhab Syafie dan juga Imam asy-Syafie, mereka berdalilkan firman Allah:

فَلاَ تَدْعُوْا مَعِ اللهِ أَحَدًا

"Maka janganlah kamu seru bersama Allah sesuatu yang lain". QS. AL-JIN 72:18

قُلِ ادْعُوْا الَّذِيْنَ زَعَمْتُمْ مِنْ دُوْنِهِ فَلاَ يَمْلِكُوْنَ كَشْفَ الضُّرِّ عَنْكُمْ وَلاَ تَحْوِيْلاً

"Katakanlah: Panggillah mereka yang kamu seru selain Allah, mereka tidak akan mempunyai kekuasaan untuk menghalangkan bahaya daripada

apapun dan tidak pula memindahkannya”. QS. AL-ISRA 17: 56.

أُوْلَئِكَ الَّذِيْنَ يَدْعُوْنَ يَبْتَغُوْنَ إِلَى رَبِّهِمُ الْوَسِيْلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُوْنَ رَحْمَتَهُ وَيَخَافُوْنَ عَذَابَهُ إِنَّ عَذَابَ رَبِّـــكَ كَـــانَ مَحْذُوْرًا.

“Orang-orang yang mereka seru itu mereka sendiri mencari jalan kepada Tuhan mereka, siapa di antara mereka yang lebih dekat kepada Allah dan mengharapkan rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya, sesungguhnya azab Tuhanmu adalah suatu yang harus ditakuti”. QS. AL-ISRA 17:57.

Berkata Uthman El-Muhammady: Sebenarnya mereka membandingkan orang Islam yang berdoa di kubur itu dengan penyembah berhala kerana orang Islam dikatakan menyembah kubur atau menyembah orang mati. Dakwaan menyembah kubur itu tidak benar kerana orang Islam ke kubur untuk menziarahi kubur kerana Allah dan perbuatan ini digalakkan dalam hadis nabi seperti amalan berdamping dengan Tuhan. Ini bermakna orang yang melawat itu tidak menyembah kubur.

ZIARAH KUBUR

Bantahan dan ulasan URD: Untuk pengetahuan Uthman El-Muhammady bahawa ziarah kubur pada mulanya dilarang kerana dizaman Jahiliyah antara sifat ibadah orang-orang Arab musyrikin ialah mentakdis, memuja dan bertawassul kepada orang mati dengan cara menyeru atau meminta-minta kepada roh mereka, inilah yang diistilah oleh Imam asy-Syafie sebagai penyembah kubur atau ***kuburi***. Tetapi setelah akidah umat Islam mantap dan sempurna mereka diperintahkan agar menziarahi kubur secara sunnah yang telah dicontohkan oleh Rasulullah sebagaimana hadis:

عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ أَبِيْ مُلَيْكَةَ : أَنَّ عَائِشَةَ أَقْبَلْت ذَاتَ يَوْمٍ مِنَ الْمَقَابِرِ ، فَقُلْتُ لَهَا : يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِيْنَ ، أَلَيْسَ نَهَى رَسُــــوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ ؟ قَالَتْ : نَعَمْ ، نَهَى عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ ثُمَّ أَمَرَ بِزِيَارَتِهَا.

"Dari Abdullah bin Abi Mulaikah: Sesungguhnya 'Aisyah menemuiku pada suatu hari di perkuburan, maka aku berkata kepadanya: Wahai Ummul Mukminin, bukankah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam melarang dari menziarahi kubur? Beliau berkata: Ya, dahulu ditegah dari menziarahi kubur tetapi disuruh menziarahi kemudiannya". H/R Turmizi

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: اَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْرُجُ اِلَى الْبَقِيْعِ فَيَدْعُوْلَهُمْ فَسَاَلَتْهُ عَائِشَةَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ : اِنِّيْ اُمِرْتُ اَنْ اَدْعُوْلَهُمْ.

"Dari 'Aisyah radiallahu 'anha: Sesungguhnya Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam pernah keluar ke Baqi' mendoakan mereka. Maka 'Aisyah bertanya tentang itu? Baginda menjawab: Sesungguhnya aku diperintahkan agar mendoakan mereka". H/R Ahmad (sahih) 6/252.

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : حَتَّى جَاءَ الْبَقِيْعِ رَفَعَ يَدَيْهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ انْحَرَفَ ، قَالَ : فَانَّ جِبْرِيْلَ اَتَانِيْ فَقَــالَ : انَّ رَبَّــكَ يَأْمُرُكَ اَنْ تَأْتِيَ اَهْلَ الْبَقِيْعِ فَيَسْتَغْفِرَ لَهُمْ.

"Dari 'Aisyah beliau berkata: Setelah sampai di Baqi' baginda berdiri dan lama berdirinya, kemudian mengangkat kedua tangannya (berulang) tiga kali. (Selesai berdoa) baginda pulang, baginda bersabda: Sesungguhnya Jibril telah datang kepadaku, lalu dia berkata: Sesungguhnya Rabbmu telah memerintahkan engkau pergi ke penghuni Baqi' agar memohonkan keampunan untuk mereka". Hadis sahih riwayat Muslim, (3/64-65).

Menziarahi kubur dan mendoakan orang mati dituntut dan hukumnya sunnah, firman Allah:

وَالَّذِيْنَ جَاءُوْا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُوْلُوْنَ رَبَّنَا اغْفِرْلَنَا وَلاِخْوَانِنَــا الَّذِيْنَ سَبَقُوْنَا بِالاِيْمَانِ.

"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka itu akan berkata: Wahai Tuhan kami, ampunilah

kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman sebelum kami!”. QS. AL-HASYR 59:10.

رَبَّنَا اغْفِرْلِيْ وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِيْنَ يَوْمَ يَقُوْمُ الْحِسَابُ.

“Ya Tuhan kami, berilah keampunan kepadaku, kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (Hari Kiamat)!” QS. IBRAHIM 14:41.

وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِيْنَ.

“***Minta ampunlah bagi dosamu dan bagi orang-orang yang beriman”.*** QS. MUHAMMAD 47:19

Kenyataan Uthman El-Muhammady yang menggambarkan seolah-olah Wahhabi tidak mengizinkan menziarahi kubur, ianya boleh mengelirukan orang-orang awam, tuduhan yang liar dan pembohongan atas nama Imam asy-Syafie terhadap Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab. Kerana sepanjang penelitian penulis terhadap tulisan Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab, tidak terdapat satupun yang mengharamkan amalan ziarah

kubur, malah beliau berpegang dengan hadis-hadis sahih yang memerintahkan agar kaum muslimin menziarahi kubur orang-orang Islam. Menurut Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab menziarahi kuburan orang Islam hukumnya sunnah berdasarkan hadis-hadis sahih. Inilah yang terdapat di dalam kitab-kitab beliau yang memperkatakan tentang ziarah kubur.

Uthman El-Muhammady sewajarnya berlaku adil, periksa dan baca dulu semua kitab-kitab tulisan Muhammad Bin Abdul Wahhab, kemudian barulah beri komentar atau kenyataan. Kegenjotan Uthman El-Muhammady dalam tuduhannya terhadap golongan yang dituduh sebagai Wahhabi mencetuskan fenomena dan persepsi yang negatif terhadap dirinya sendiri dan terhadap aliran yang dituduh tanpa berasas. Tidak releven jika Uthman El-Muhammady masih duduk di takuk kepompong lama tetapi mahu menegur golongan Wahhabi yang pernah diakui oleh beliau sendiri sebagai golongan “berkembang di kalangan cerdik pandai”. Mungkin perkembangan ini menjadi gugatan alirannya (Sufisma) yang dipertahankan oleh beliau.

Menurut Uthman El-Muhammady: Oleh itu, istilah kuburiyun tidak benar, kecuali kalau dimaksudkan untuk kaum yang sesat yang sememangnya menyembah kubur (seperti yang berlaku disesetengah negeri yang mempunyai ajaran sesat yang sedemikian).

Orang Islam menyembah Allah SWT, bukan menyembah kubur. Mereka berdoa kepada Allah SWT di kubur untuk mendapat berkat. Itu dibenarkan dan disebut tawassul, ataupun disebut untuk mendapat syafaat dan perbuatan itu ada dalam Ahli Sunnah. Hakikatnya, penyembah berhala itu memang menyembah berhala dan hanya apabila dihujah, penyembah berhala mengelak daripada terkena hujah lalu ia membuat helah menyebut berhala itu sekadar perantara saja, sedangkan ditujukan kepada Tuhan Yang Esa.

Dalam hubungan ibadat, antaranya kita boleh melihat istilah 'menyeru' pada golongan ini, huraian 'simplistic' mengenai 'menyeru' difahami secara zahir (literal), pada mereka kita tidak boleh menyeru kepada orang mati, sebab al-Quran melarangnya dalam ayat yang bermaksud: *"Jangan kamu menyeru, selain daripada Allah SWT."* (Quran,

Syura:213: Qasas:88 dan lain-lain sepertinya). Larangan oleh al-Quran ialah menyeru sebagai beribadat kepada Allah SWT dalam doa. Kalau menyeru: “Wahai ahli kubur, mudah-mudahan Allah SWT ampunkan kami dan kamu,” itu tidak mengapa.

Demikian juga tidak mengapa jika menyeru seperti Saidina Bilal menyeru Rasulullah apabila melawat kuburnya. Ketika dalam solat pun kita menyeru Rasulullah dalam tahiyat yang bererti ‘Sejahteralah atas tuan hamba wahai Rasulullah rahmat Allah SWT dan keberkatanNya. Yang tidak boleh ialah menyembah orang dalam kubur itu. Perkara yang dilarang di sini ialah menyembah kubur atau orangnya. Tetapi tidak ada pengikut Ahli Sunnah yang melakukan demikian kecuali orang yang sesat. Bagaimanapun, tuduhan berterusan dibuat golongan Wahhabi kepada Ahli Sunnah. Ini boleh dilihat dalam sejarah bagaimana mereka sampai berperang dengan orang Turki Uthmaniah dan lainnya kerana kononnya mereka terkeluar daripada Islam. Salam yang mereka tujukan kepada mereka – seperti yang ada dalam kitab sejarah mereka sendiri, adalah salam yang diberikan oleh Musa kepada Firaun.

BANYAK MEMBEBEL

Bantahan (Rad) dan penjelasan URD: Disepanjang wacana tulisan atau kenyataan Uthman El-Muhammady di Berita Minggu (Ahad 22 November 2009), tidak dilengkapkan dengan hujah yang qati'ah. Lebih banyak membebel dan bercerita sebagaimana tukang qusas (si Tukang Pencerita). Dibawanya cerita Bilal yang berupa hadis palsu. Beliau tidak membawakan hujah-hujah syarak dan fatwa Imam asy-Syafie atau para ulama yang bermazhab asy-Syafie seperti Ibnu Hajar yang bermazhab asy-Syafie dan yang lainnya. Amat jelas terdapat isi tulisannya yang menyentuh apa yang diistilahkan sebagai ***kuburi.***

Fahamilah apa yang dijelaskan oleh Imam asy-Syafie melalui dalil-dalil qat'i tentang persoalan yang berkaitan dengan kuburan, sehingga tidak boleh melakukan amalan sembarangan kecuali mengikut sunnah. Imam asy-Syafie memberi amaran:

لاَيَجُوْزُ اَنْ يُطَافَ بِقَبْرِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَيَكْـــرَهُ لصْقُ الْبَطْنِ وَالظَّهْرِ بِجِدَارِ الْقَبْرِ ، قَالَـــهُ اَبُـــوْ عُبَيْـــدِ اللهِ الْحُلَيْمِى وَغَيْرُهُ ، قَالُوْا : يكْرَهُ مَسْحَهُ بِالْيَدِ وَتَقْبِيْلَهُ

"Tidak dibolehkan bertawaf di kubur Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam, dilarang meletakkan perut dan dada ke dinding kubur. Abu 'Ubaidillah al-Hulaimi dan selainnya yang mana mereka semua menjelaskan fatwa Imam asy-Syafie: Dibenci menyapu dengan tangan dan mengucup kubur".

Imam asy-Syafie dan ijmak para ulama yang bermazhab Syafie mengharamkan apa sahaja yang berkaitan dengan pentakdisan kuburan, menghias, membuat batas, meninggikan tanah, memayungkan, mendirikan kubbah, bangunan, menyapu dengan tangan dan mengucup kubur kerana upacara sedemikian merupakan perbuatan ghulu dan bertujuan untuk bertawassul agar mendapat syafaat atau keberkatan dari orang mati, semuanya itu haram

dan membuka ruang untuk orang jahil menjadi ***kuburi*** (pemuja dan ghulu[11] kepada ahli kubur).

Imam asy-Syafie mengharamkan menulis apa sahaja tulisan atau mengecat kubur, kerana semuanya itu bertujuan untuk mencari keberkatan dari orang mati yang bukan amalan Ahli Sunnah, malah bertentangan dengan sunnah berdasarkan hujah dari syarak dan telah difatwakan sebagai perbuatan haram oleh Imam asy-Syafie serta para ulama Syafieyah. Mereka semua berhujahkan athar yang sahih:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ حَسَنَةَ قَالَ : رَاَيْتُ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّان رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَاْمُرُ بِتَسْوِيَةِ الْقُبُوْرِ ، فَقِيْلَ لَهُ : هَذَا قُبْرُ اُمُّ عَمْرو بِنْت عُثْمَان ! فَاَمَرَ بِهِ فَسَوِّي.

"Dari Abdullah bin Hasanah berkata: Aku lihat 'Uthman bin 'Affan radiallahu 'anhu memerintahkan agar diratakan kubur. Maka dikatakan kepadanya: Ini kubur Ummu 'Amr binti

[11] . Ghulu bermaksud keterlaluan dan melampau batas.

'Uthman, maka beliau menyuruh agar diratakan".[12]

عَنْ اَبِيْ الْهَيَّاجِ اْلاَسَدِيْ قَالَ : قَالَ لِيْ عَلِيُ بْنُ اَبِيْ طَالِب رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : اَلاَ اَبْعَثُكَ عَلَى مَا بَعَثَنِيَ عَلَيْه رَسُــوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ اَنْ لاَ تَدْعِ تِمْثَالاً اِلاَّ طَمَسْتَهُ ، وَلاَ قُبْرًا اِلاَّ سَوَّيْتَهُ.

"Dari Abi al-Hayyah al-Asadi berkata: Berkata kepadaku Ali Bin Abi Talib radiallahu 'anhu: Tidakkah aku mengutus engkau atas apa yang telah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam mengutusku? Janganlah dibiarkan satupun berhala kecuali engkau menghancurkannya dan tidak dibiarkan sebuah kuburpun kecuali engkau meratakannya". H/R Muslim, 3/61. Abu Daud, 3/70. an-Nasaii, 1/285. at-Turmizi, 2/153-154. al-Baihaqi, 4/3. at-Tayalasi, 1/168. Ahmad 741, 154.

---

[12]. Diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah dalam المصنف 4/138. Abu Zar'ah dalam (تاريخه) 2/66, 2/121. Sanadnya sahih dari Abdullah. telah diwaridkan oleh Ibn Abi Hatim dalam (الجرح والتعديل) 3/81-82.

Ada beberapa jalan pada Ibnu Abi Syaibah, 4/139 dan at-Tabrani dalam (الصغير) hlm. 29.

Al-Allama al-Imam al-Hafiz al-Baghawi *rahimahullah* yang bermazhab asy-Syafie berwasiat:

يُكْرَهُ اَنْ يُضْرِبَ عَلَى الْقُبْرِ مِظَلَّةً لاَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ رَاَى مِظَلَّةً عَلَى قَبْرٍ فَاَمَرَ بِرَفْعِهَا وَقَالَ : دَعُوْهُ يُظِلُّهُ عَمَلهُ.

"Dimakruhkan (diharamkan) meletak payung di atas kubur, kerana 'Umar radiallahu 'anhu setelah melihat payung di atas kubur beliau menyuruh agar dibuang payung tersebut dan berkata: Biarkanlah amalannya yang memayungkannya".

Uthman El-Muhammady dan orang-orang yang sepertinya sewajarnya menyebarkan penjelasan al-Hafiz Ibnu Hajar ulama besar yang bermazhab Syafie ini, jangan disembunyikan dari pengetahuan masyarakat Islam Malaysia kerana majority mereka bermazhab asy-Syafie. Al-Hafiz Ibn Hajar telah menegaskan dalam kitabnya (المنـــهاج) bahawa Imam asy-Syafie telah berfatwa:

لَعَنَ اللهُ فَاعِلَهُ ، وَيَجِبُ الْمُبَادَرَةِ لِهَدْمِهَا وَهَدْمِ الْقُبَـــابَ الَّتِيْ عَلَى الْقُبُوْرِ ، اِذْ هِيَ اَضَرُّ مِنْ مَسْجِدِ الضِّرَارِ ، لاَنَّهَا اُسِّسَتْ عَلَى مُعْصِيَةِ الرَّسُوْلِ اللهِ لاَنَّهُ نَهَى عَنْ ذَلِكَ.

"Dilaknat pembuatnya (solat, membina masjid, dapur, kubbah dan binaan di kuburan atau di atas kubur, pent.), wajib bersegera merobohkannya dan merobohkan kubbah yang dibina di atas kubur kerana membinanya lebih bahaya dari masjid ad-Dirar yang dibina kerana bermaksiat terhadap Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam, yang mana baginda telah melarang dari melakukan yang sedemikian.

Semua fatwa-fatwa tersebut yang difatwakan oleh Imam asy-Syafie dan para ulama besar asy-Syafieyah berdasarkan hadis-hadis sahih, antara hadis tersebut:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَنْ يُجَصَّصَ الْقُبُوْرِ ، وَاَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ ، وَاَنْ يُبْنَى عَلَيْــــهِ ، (اَوْ يُزَادَ) اَوْ يُكْتَبَ عَلَيْهِ.

"Dari Jabir radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam telah melarang kuburan dikapur (dicat dan dihias), diduduki atasnya, didirikan bangunan di atasnya, ditambah atau ditulis di atasnya".

Imam an-Nawawi yang bermazhab asy-Syafie melanjutkan fatwa Imam asy-Syafie:

وَيُكْرَهُ تَجْصِيْص الْقُبُوْرَ ، وَالْبِنَاءُ عَلَيْهِ ، وَالْكِتَابَةُ عَلَيْهِ سَوَاءً كِتَابَةُ اسْمُهُ ، وَغَيْرهُ فِى لَوْحٍ عِنْدَ رَاْسِهِ اَوْ فِـــىْ غَيْرِه.

"Dibenci mengapur, membaca dan menulis tulisan di atas kubur, samada menulis namanya di

atas batu di sebelah kepalanya atau di tempat-tempat yang lainnya".

Hujah yang berdasarkan syarak telah dikemukakan oleh Imam asy-Syafie dan para ulama as-Syafieyah tentang haramnya amalan kuburi. Bagaimana pula hujah Uthman El-Muhammady? Mampukah beliau mematahkan hujah Imam asy-Syafie yang selama ini dipertahankan oleh orang-orang yang dituduh Wahhabi oleh beliau? Walau bagaimanapun tidak mungkin Imam asy-Syafie dianggap sebagai Wahhabi kerana sefahaman dengan Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab dalam hukum berkaitan dengan ***kuburi***, kerana Imam as-Syafie terlebih dahulu dilahirkan (150H) sebelum lahirnya Muhammad Bin Abdul Wahhab (1115H).

Uthman El-Muhammady sama sekali tidak ilmiyah, tidak mengikut disiplin ilmu dan tidak benar segala tuduhannya terhadap Muhammad Bin Abdul Wahhab dan golongan Salafi yang beliau labelkan sebagai Wahhabi, malah ianya merupakan satu fitnah yang akan dipikul sehingga ke hadapan Allah *'Azza wa-Jalla* di akhirat kelak jika beliau tidak bertaubat. Menimbulkan isu tuduhan palsu seperti inilah sebenarnya yang boleh memecah-belahkan

perpaduan ummah, mengocak ketenangan dan kebebasan masyarakat untuk memilih yang hak dan menolak yang batil. Uthman El-Muhammady perlu tahu bahawa amalan ***kuburi*** telah terlebih dahulu diharamkan oleh Imam asy-Syafie dan para ulama muktabar as-Syafieyah. Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab hanya menyambung perjuangan Imam asy-Syafie dan para ulama Syafieyah tersebut.

Kata Uthman El-Muhammady kita boleh menyeru: Wahai ahli kubur mudah-mudahan Allah SWT ampunkan kami dan kamu.

MENYERU ORANG MATI

Menurut Uthman El-Muhammady kita boleh menyeru dengn seruan: Wahai ahli kubur mudah-mudahan Allah SWT ampunkan kami dan kamu.

Tulisan atau kenyataan Uthman El-Muhammady seperti yang di atas ini adalah amat keji dan mungkar, kerana seruan seperti ini tidak pernah diajarkan oleh al-Quran atau hadis-hadis sahih. Tetapi ada diamalkan oleh orang-orang sufi, tasawuf, tarikat, orang-orang bersuluk dan orang-orang Jahiliyah (musyrikin Arab) dahulu kala. Orang-orang yang membolehkan seruan seperti itu hanya berhujahkan hadis-hadis palsu, lemah, mungkar dan menafsirkannya dengan akal fikiran dan hawa nafsu mereka sendiri. Ingatlah! Rasulullah telah memberi peringatan:

"Barangsiapa menafsirkan al-Quran dengan pendapatnya sendiri, maka bersedialah satu bangku dari api neraka".

Apa yang dikatakan oleh Uthman El-Muhammady amat bertentangan dengan hujah yang dibawakan oleh dirinya sendiri, iaitu beliau berhujah dengan surah al-Qasas ayat 213 (yang beliau memaknakan ayat tersebut): “Jangan kamu menyeru, selain daripada Allah SWT”.

Maksud ayat al-Qasas ayat 213 menurut penafsiran para ulama tafsir muktabar yang berpegang dengan manhaj Solaf as-Soleh, berupa larangan dari menyeru makhluk di alam ghaib seperti malaikat, jin dan roh orang-orang mati. (Sila lihat Kitab tafsir seperti Qurtubi, Ibnu Kathir, At-Tabari dan sebagainya), kerana yang boleh diseru hanyalah Allah, lebih-lebih lagi *seruan* itu menurut hadis adalah *doa* atau *ibadah* sebagaimana sabda Rasulullah:

اَلدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ.

“Doa itu adalah ibadah”.

H/R at-Tirmizi, Ibnu Majah, an-Nasaii, Abu Daud dan yang lainnya.

Oleh itu Allah berfirman:

فَلاَ تَدْعُ مَعَ اللهِ أَحَدًا.

"Janganlah kamu seru seorangpun bersama menyeru Allah". QS AL-JIN. 72:18

Uthman El-Muhammady terus berkata: Ketika dalam solat pun kita menyeru Rasulullah dalam tahiyat yang bererti 'Sejahteralah atas tuan hamba wahai Rasulullah rahmat Allah SWT dan keberkatanNya'.

LAFAZ
DALAM TAHIYAT

Ulasan dan penjelasan URD: Pada masa Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* masih hidup lafaz dalam tahiyat dibaca dengan ucapan:

(اَلسَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ)

Tetapi setelah baginda wafat, maka lafaz di atas diganti setelah diajarkan oleh ‘Aisyah kepada para sahabat dengan bacaan:

(اَلسَّلاَمُ عَلَى النَّبِيِّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ)

Lihat hadis riwayat Siraj dalam Musnadnya (9/1/2) dan Al-Fawaid (11/54/1) Mukhlash.

Imam Abdul Razzak mengatakan bahawa Ibnu Juraij meriwayatkan kepadaku, ujarnya: ‘Atha telah meriwayatkan kepadaku bahawa para sahabat

semasa Nabi hidup mereka mengucapkan lafaz di dalam tahiyat:

(اَلسَّلاَمُ عَلَيْكَ)

Tetapi setelah Nabi wafat, maka para sahabat melafazkan:

(اَلسَّلاَمُ عَلَى النَّبِيِّ)

Lihat: Syarah al-Minhaj oleh Imam Subki. Dan sanad hadis ini sahih. Imam Qasthalani, Zarqani, Laknawi dan ramai lagi mengambil penjelasan ini dari Ibnu Hajar seorang ulama hadis yang bermazhab asy-Syafie.

Oleh yang demikian, tidak ada alasan dan hujah untuk Uthman El-Muhammady membolehkan sesiapa pun menyeru, bertawassul (berperantaraan) dan meminta berkat atau syafaat dari orang yang telah mati, sekali pun orang yang sudah mati itu merupakan seorang nabi, rasul, wali atau orang yang disucikan. Ingatlah, bahawa bertawasul, berwasitah, berperantara dengan cara menyeru makhluk di alam ghaib adalah suatu kesyirikan! Begitulah fatwa Imam asy-Syafie dan para ulama Salaf as-Soleh.

SOLAT
DI PERKUBURAN

Uthman El-Muhammady mendakwa dirinya dan orang di Malaysia yang sepertinya hanya solat mengikut mazhab asy-Syafie**.** Apakah Imam asy-Syafie membolehkan solat di kuburan, di masjid yang dikelilingi kuburan, berhampiran atau menghadap kubur? Menurut Mazhab asy-Syafie dilarang (diharamkan) solat berhampiran kubur termasuk di masjid yang dibina di kawasan perkuburan, kerana solat di tempat seperti itu tidak ada contohnya dari syarak dan bukan amalan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Kecuali jika kawasan masjid, tanah masjid atau tanah perkuburan telah diasingkan (dizonkan), sama ada dengan tembok, pagar atau parit. Pengharaman ini berdasarkan athar dari ‘Umar Bin al-Khattab *radiallahu ‘anhu*:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : كُنْتُ اُصَلِّيْ قَرِيْبًا مِنْ قَبْرٍ ، فَرَآنِيْ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ ، فَقَـــالَ: اَلْقَبْـــرُ!

اَلْقَبْرُ! . فَرَفَعْتُ بَصَرِيْ اِلَى السَّمَاءِ وَانَا اَحْسَبُهُ يَقُــوْلُ : اَلْقَمَرُ ! اَلْقَمَرُ!.

"Dari Anas radiallahu 'anhu berkata: Aku pernah mahu mengerjakan solat berhampiran kubur, apabila 'Umar Bin al-Khattab melihatku, maka beliau berkata: Kubur, Kubur! Aku melihat ke langit kerana aku menyangka beliau berkata: Bulan, bulan!". H/R Abul Hasan dalam (جزء فيه مجالس من امــالي ابي الحــين القــزويني) (1/3) dengan sanad yang sahih. Dita'liq oleh Imam al-Bukhari dalam Fathul Bari (1/437). Dan terdapat penyambungannya oleh Abdul Razak dalam (مصنفه) (1/404/1581). Dengan tambahan:

قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ : اِنَّمَا اَقُوْلُ الْقُبُوْر لاَ تُصَلِّى اِلَيْهِ.

"Berkata 'Umar (kepada Anas): Yang aku katakan kubur (bukan bulan), janganlah engkau bersolat menghampiri kubur (atau menghadap kubur)".[13]

---

[13]. Ibid.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah menjelaskan sebagai jawapan kepada persoalan *kuburi* yang sangat berleluasa di negara-negara Islam sejak dahulu sehinggalah sekarang iaitu:

"Menjadikan suatu tempat sebagai masjid ialah bertujuan untuk mendirikan sembahyang lima waktu dan mengerjakan ibadah-ibadah yang lain di dalamnya. Itulah tujuan sebenar didirikan sesebuah masjid. Jika matlamat pembinaan sesebuah masjid hanyalah untuk didirikan ibadah dan berdoa kepada Allah semata bukan kepada para makhluk, maka diharamkan oleh Rasulullah menjadikan kubur-kubur sebagai masjid, kerana fungsi masjid untuk solat di dalamnya sebagaimana tujuan semua masjid dibina. Namun, jika mendirikan masjid di kubur maka ia akan mudah membuka ruang untuk mengubah maksud ibadah seseorang itu daripada beribadah kepada Allah akan tercampur dengan beribadah kepada orang di dalam kubur, iaitu dengan cara berdoa (bertawassul) kepada kubur dan berdoa di sisi kubur. Maka Rasulullah telah melarang menjadikan tempat seperti ini untuk beribadah kepada Allah supaya dapat menutup ruang

daripada menyekutukan Allah dengan mayat di dalam kubur”.[14]

Ibnu al-Malik menjelaskan tentang haramnya amalan *kuburi*:

“Diharamkan mendirikan masjdi di kuburan ialah kerana bersolat di masjid yang ada kubur sama seperti mengikut sunnah dari sunnah-sunnah Yahudi”.[15]

Telah tercatit di dalam tulisan Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab istilah *Kuburi. Kuburi* bukan bermaksud *“Pengharaman Ziarah Kubur”,* sebagaimana sangakaan Uthman El-Muhammady. Kerana *kuburi* antaranya bermaksud: *“Pemuja, penyembah atau penyeru orang yang di dalam kubur”*. Amalan *Kuburi* telah diharamkan oleh semua para Imam fiqh dan akidah terutamanya Imam asy-Syafie dan para ulama bermazhab Syafie.

Apakah Imam asy-Syafie seorang Wahhabi kerana mempunyai keyakinan yang serupa dengan

---

[14]. Lihat: القاعدة الجليلة Hlm. 22. Ibnu Taimiyah.

[15]. Lihat: تحذير الساجد hlm. 182. Nasruddin al-Albani.

Syeikh Muhammad Bin Abdul Wahhab dalam persoalan *kuburi*? Kerana setiap orang yang mempunyai amalan dan keyakinan yang sama dengan Muhammad Bin Abdul Wahhab dianggap Wahhabi oleh Uthman El-Muhammady. Menurut mazhab Hambali solat di masjid yang ada kubur atau di masjid yang didirikan di perkuburan, hukumnya tidak sah solat tersebut[16] dan wajib diulang semula, apakah mazhab Hambali itu *kuburi* yang Wahhabi?. Kalau Uthman El-Muhammady mampu meneliti semua kita-kitab empat imam mazhab, pasti ditemui keterangan bahawa semua imam yang empat seperti Imam Syafie, Hambali, Hanafi dan Maliki mereka bersepakat mengharamkan amalan *kuburi.*

Teguran Uthman El-Muhammady terhadap apa yang dianggap oleh beliau sebagai Wahhabi, sewajarnya berlandaskan teras dan fakta ilmiyah serta kematangan berfikir panjang, terutama setelah beliau bergelar fellow kehormat dan orang yang disegani. Beliau perlu sedar, ancaman terhadap amalan yang diatasnamakan sebagai amalan Syafieyah di Malaysia bukan datangnya dari Wahhabi atau gerakan Wahhabi, tetapi berpunca

---

[16]. Ibid. hlm. 185. Lihat: شرح المنتهى 1/303.

kerana kebanyakan amalan mereka hanya disadur dengan dakwaan bermazhab Syafie tetapi sebenarnya menentang Imam asy-Syafie. Pengakuan yang jauh panggang dari api dari orang-orang yang mengaku bermazhab Syafie atau mengatasnamakan sebagai amalan Imam asy-Syafie sebelum jelas ia benar-benar dari Imam asy-Syafie. Akhirnya tembelang mereka terbongkar dan menjadi ancaman kepada mereka setelah dakwah Imam asy-Syafie dihidupkan semula oleh kalangan Salafiyun yang mereka tuduh sebagai Wahhabi.

Fitnah terhadap golongan Salafi yang sengaja dituduh dan digelar sebagai Wahhabi berpunca dari cengkaman kejahilan segelintir orang yang telah terlanjur ditokohkan dan diulamakan oleh orang-orang yang sebahagiannya berkepentingan. Atau orang-orang yang telah tergugat (terancam) kepentingannya jika amalan yang benar-benar sunnah disebarkan oleh golongan yang dilabelkan sebagai Wahhabi, kerana tidak secara langsung golongan yang mereka gelar sebagai Wahhabi telah membongkar bid’ah, kesyirikan, kesesatan dan yang mereka nasabkan kepada Imam asy-Syafie atau diklasifikasikan sebagai amalan mazhab Syafie, sedangkan pada hakikatnya semuanya itu tidak ada

kena mengena dengan Imam asy-Syafie atau mazhab as-Syafie.

Didapati rata-rata mereka yang menentang golongan yang mereka tuduh Wahhabi dan menganggap Wahhabi sesat, sebenarnya mereka tidak tahu apa itu Wahhabi. Sehingga apa sahaja yang disampaikan oleh sesiapa yang sudah digelar Wahhabi mereka propagandakan sebagai ajaran yang mengelirukan, memecah-belah, salah dan sesat. Contohnya apabila diberi penjelasan kepada mereka tentang bid'ahnya amalan yang dikhususkan pada hari-hari tertentu, dibulan-bulan tertentu dan di musim-musim tertentu, seperti mengkhususkan ziarah kubur secara beramai-ramai di Hari Raya, di hari haul, duduk membaca al-Quran di kubur, bertakbir raya, berzikir dan makan di kuburan, semuanya itu adalah perbuatan bid'ah bukan sunnah dan telah diharamkan oleh Imam asy-Syafie, tetapi apabila mereka dengan bermati-matian mahu mempertahankannya, maka mereka akan katakan inilah suara Wahhabi yang suka membid'ahkan orang dan melarang orang untuk beribadah dan berbuat kebaikan.

Tidak ada dalil yang membolehkan dan tidak pernah disuruh atau dilakukan oleh Nabi *sallallahu ‘alaihi wa-sallam*, para sahabat, para tabiin dan para Salaf as-Soleh perbuatan tersebut. Orang Islam yang melakukan perbuatan yang diharamkan oleh syarak sewajarnya mendatangkan dalil syarii untuk membuktikan bahawa ia dibolehkan oleh agama agar tidak menjadi amalan yang bid’ah.

Nabi melarang berkumpul-kumpul dan berHari Raya walaupun di kubur baginda sebagaimana sabdanya:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
لاَ تَتَّخِذُوْا قَبْرِيْ عِيْدًا.

“Dari Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Bersabda sallallahu ‘alaihi wa-sallam: Janganlah kamu jadikan kuburku tempat berHari Raya”. H/R Ahmad (2/367). Abu Daud (2042). Hadis Hasan.

Uthman El-Muhammady boleh lihat sendiri pada setiap Hari Raya, seawal pagi masyarakat Islam berkunjung ke kubur saudara mara mereka sehingga ramai dari mereka meninggalkan solat Hari Raya.

Amalan ini menjadi acara ritual yang bersifat rutin disetiap menjelangnya Syawal.

Sedarkah Uthman El-Muhammady bahawa Imam asy-Syafie melarang berkumpul-kumpul semula kerana kematian? Larangan ini bukan sahaja terhad di rumah-rumah tetapi juga di masjid-masjid, surau atau di mana sahaja sehinggalah di kubur. Masyarakat Islam (Melayu terutamanya) akan menunggu semua anak-cucu dan saudara mara berkumpul diHari Raya untuk sama-sama ke kubur.

Di perkuburan mereka melakukan semua perkara-perkara yang ditentang oleh Imam asy-Syafie kerana boleh membawa kepada ratapan, tangisan dan mengulangi kesedihan yang semuanya itu merupakan amalan bid’ah yang adakalanya dicampur-baurkan dengan amalan khurafat atau syirik.

Penulis telah melihat beberapa keluarga (di Singapura) menziarahi kubur keluarganya diHari Raya, ada yang menaiki lori, bas atau van. Mereka membawa tikar, makanan atau hidangan.

Mereka duduk beramai-ramai sambil membaca ayat-ayat al-Quran, bertahlil dan ada yang bertakbir Hari Raya di samping kubur keluarga mereka. Selesai upacara tersebut, mereka mencari sudut yang lapang, kemudian duduk beramai-ramai sambil membahagi-bahagikan makanan untuk dimakan bersama keluarga di perkuburan. Mereka kelihatan benar-benar merayakan perayaan Hari Raya di perkuburan beramai-ramai bersama sanak saudara dan anggota keluarga sambil menikmati juadah dan santapan.

Apakah ini amalan Ahli Sunnah wal-Jamaah mengikut mazhab as-Syafie? Sedangkan perbuatan tersebut telah diharamkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam*, telah difatwakan tentang haramnya oleh Imam asy-Syafie serta para ulama besar yang bermazhab asy-Syafie sebagaimana tercatit dalam kitab (اعانة الطالبين) Juz. 2. Hlm. 146:

وَيكْرهُ.... نَقْلُ الْطَّعَامِ اِلَى الْقُبُوْرِ.

"Dibenci (makruh yang haram) membawa makanan ke kubur".

Duduk di atas kubur juga telah diharamkan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* dan difatwakan juga oleh Imam asy-Syafie di dalam kitabnya Al-Umm.

Dibolehkan duduk hanya kerana ada keuzuran syarii. Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَنْ يَجْلِسَ اَحَدُكُمْ عَلَى جَمْرَةٍ فَتُحْــرِقَ ثِيَابَهُ فَتَخْلُصَ اِلَى جِلْدِهِ خَيْرٌ مِنْ اَنْ يَجْلِسَ عَلَى قَبْرٍ.

"Dari Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam bersabda: Sesungguhnya jika salah seorang kamu duduk di atas bara api sampai membakar pakaiannya lalu menembusi kulitnya, masih lebih baik baginya daripada ia duduk di atas kubur". H/R Muslim 3/62. Abu Daud 3228. Ahmad 2/311, 444. Baihaqi 4/79. Ibnu Majah dan an-Nasaii. Hadis ini juga terdapat dalam Al-Umm kitab besar Imam asy-Syafie.

BUKAN FATWA SYAFIE ATAU WAHHABI

Masyarakat Islam di Nusantara, apabila ditegah dari bersolat di masjid-masjid yang ada kubur, maka rata-rata mereka semua beralasan dengan masjid Nabi *sallallahu ‘alaihi wa-sallam* di Madinah untuk membolehkan perbuatannya yang telah diharamkan oleh Imam asy-Syafie. Tahukah Uthman El-Muhammady, para ulama Salaf as-Soleh khususnya yang bermazhab asy-Syafie telah menjelaskan duduk perkara ini yang sebenar.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dalam kitabnya (الجواب الباهر فى زور المقابر) beliau menegaskan:

“Bersolat di dalam masjid yang dibina di atas kubur ditegah secara mutlak, berlainan pula dengan masjid Nabi sallallahu ‘alaihi wa-sallam. Maka sesungguhnya bersolat di masjid Nabawi diganda dengan pahala seribu solat. Masjid Nabawi dibina atas dasar ketakwaan. Pengharamannya sejak

baginda masih hidup dan semasa masih hidupnya para Khulafa ar-Rasyidin. Pada masa semua sahabat masih hidup, tidak pernah dimasukkan rumah (kubur) baginda ke dalam masjid, tetapi dimasukkan ke dalam masjid selepas zaman sahabat sudah tiada lagi".[17]

Seterusnya Ibnu Taimiyah menjelaskan lagi:

"Fadilat Masjid Nabi sudah ada sebelum dimasukkan rumah baginda ke dalam masjid. Antara fadilat masjid Nabi dimana Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam membinanya sendiri bersama orang-orang yang beriman, mereka bersolat semata-mata kerana Allah, mereka benar-benar dikenali sebagai orang-orang yang beriman sehinggalah ke Hari Kiamat. Dan telah bersabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam: Bersolat di masjidku ini lebih baik dari seribu salat di masjid yang lain kecuali Masjid al-Haram".

Menurut penjelasan Syeikh Nasruddin al-Albani:

---

[17]. Lihat: تحذير الساجد Hlm. 200-201.

"Hukum pengharaman solat di masjid yang terdapat kubur di dalamnya termasuklah semua masjid, sama ada yang besar, yang kecil, yang lama atau yang baru kerana keumuman dalilnya. Tidak ada pengecualian apa pun masjid jika ada kubur di dalamnya kecuali Masjid Nabi yang mulia di Madinah, kerana keutamaannya yang khusus yang tidak terdapat di masjid-masjid yang lain. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah:

صَلاَةٌ فِي مَسْجِدِيْ هَذَا خَيْرٌ مِنْ اَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ فَاِنَّهُ اَفْضَلُ

"Satu solat di masjidku ini seribu kali lebih baik dari bersolat di masjid lain kecuali masjid al-Haram kerana di masjid al-Haram lebih afdal". H/R Bukhari, Muslim dan selain mereka, hadis dari Abu Hurairah. Dan sabdanya lagi:

مَا بَيْنَ بَيْتِيْ وَمِنْبَرِيْ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

"Di antara rumahku dan mimbarku ialah raudah dari riadul jannah". H/R Bukhari dan Muslim.

Jika sekiranya haram solat di masjid Nabi lantaran kubur baginda, ini bermakna menyamakan masjid tersebut dengan masjid-masjid yang lain. Masjid Nabi dikecualikan kerana adanya keutamaan pada masjid tersebut. Ia dibina atas ketakwaan. Pengharaman belaku sejak Nabi masih hidup dan semasa Khulafa ar-Rasyidin. Adapun kubur Nabi dimasukkan ke dalam masjid setelah ketiadaan para sahabat.[18] Fadilat ini dinyatakan dalam sabda:

لاَ تَشُدُّ الرِّحَالُ اِلاَّ اِلَى ثَلاَثِ مَسَاجِدَ ، اَلْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْمَسْجِدِ اْلاَقْصَى وَمَسْجِدِيْ هَذَا.

"Tidak digalakkan bersangatan untuk berpergian (untuk memperolehi barakah) kecuali kepada tiga masjid: Masjid al-Haram (di Mekah), Masjid al-Aqsa dan masjidku ini di Madinah)". Hadis Muttafaq 'alaihi dari Abi Hurairah.[19]

اِنَّمَا يُسَافِرُ اِلَى ثَلاَثِ مَسَاجِدَ : مَسْجِدِ الْكَعْبَةِ وَمَسْجِدِيْ وَمَسْجِدِ اِيْلِيَاءَ.

---

[18]. Lihat: تحذير الساجد من اتخاذ القبور مساجد Hlm. 200-201.

[19]. Lihat: احكام الجنائز وبدعها Hlm. 224-225. Nasruddin al-Albani.

"Hanya diperbolehkan safar (mencari barakah) pada tiga masjid: Masjid Kaabah, Masjidku dan Masjid Eliya". H/R Muslim, (4/126).

Berkata al-Hafiz Muhammad bin Abdul Hadi:

"Adapun mula dimasukkan bilik atau rumah (yang dijadikan kubur) Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam ke dalam masjid, ialah pada pemerintahan al-Walid bin Abdul Malik, iaitu selepas kewafatan semua sahabat yang ada di Madinah. Yang terakhir wafat dari kalangan sahabat ialah Jabir bin Abdullah dimasa pemerintahan Abdul Malik pada tahun 87H. Walid dilantik sebagai Khalifah pada tahun 86H. Beliau wafat pada tahun 96H. Diketika itulah dibina semula masjid dan dimasukkan bilik (rumah/kubur) Nabi ke dalam masjid".[20]

Berkata Syeikh Nasruddin al-Albani:

"Tidak sewajarnya bagi setiap Muslim setelah mengetahui hakikat (tidak boleh bersolat di masjid yang ada kubur atau di masjid yang dibina di

---

[20]. Lihat: الصارم المنكي hlm. 136-137.

atas kubur), lalu ia berhujah dengan apa yang berlaku setelah berlalunya zaman sahabat, kerana cara ini bertentangan dengan hadis yang sahih dan dengan apa yang telah difahami oleh para sahabat serta para pembesar sahabat. Ia bertentangan juga dengan apa yang telah dilakukan oleh 'Umar dan 'Uthman semasa meluaskan masjid Nabawi, tetapi mereka tidak memasukkan kubur ke dalam masjid. Oleh itu kami menyalahkan apa yang telah dilakukan oleh al-Walid Bin Abdul Malik (semoga Allah mengampuninya) walaupun masjid diketika itu sangat perlu diluaskan, tetapi mengapa ia tidak meluaskan masjid ke arah yang lain tanpa memasukkan bilik (rumah/kubur) yang mulia Nabi ke dalam masjid".[21]

Sekiranya Uthman El-Muhammady telah mengetahui persoalan dan hukum antara ziarah kubur dan amalan *kuburi*, sebaiknya beliau sentiasa berwaspada apabila mengeluarkan kenyataan di akhbar atau apabila memperkatakan sesuatu yang masih samar baginya.

---

[21]. Lihat: تحذير الساجد hlm. 93.

TUDUHAN TERHADAP WAHHABI ATAU SYAFIE?

Ada yang menuduh kaum Wahhabi melarang menziarahi kubur Nabi *sallallahu 'alaihi wa-sallam* di Madinah. Tuduhan ini berpunca apabila para ulama Salaf as-Soleh dan para pendakwah Salafiyah melarang kaum muslimin ke Madinah yang semata-mata berniat khusus kerana ziarah kubur Nabi. Sebenarnya yang dilarang bukan menziarahi kubur Nabi tetapi yang dilarang apabila berniat ke Masjid Nabi hanya semata-mata kerana kubur bukan kerana solat di Masjid Nabi. Tetapi apabila sampai di masjid Nabi disunnahkan menziarahi kubur Nabi.

Larangan berniat ke Madinah kerana kubur Nabi bukan kerana solat di masjid Nabi, ia termasuk dalam fatwa Imam asy-Syafie, kerana kesemua hadis-hadis yang menggesa agar ke Madinah berniat semata-mata khusus untuk menziarahi kubur Nabi adalah hadis-hadis lemah dan palsu belaka. Antara hadis-hadis tersebut:

مَنْ حَجَّ الْبَيْت وَلَمْ يَزُرْنِيْ فَقَدْ جَفَانِيْ

"Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah, tetapi tidak menziarahi aku, maka dia telah melupakan aku". H/R Ibn Adi dan Darqutni dari jalan Abdullah bin 'Umar.

Hadis ini lemah malah palsu dan bohong. Disanadnya terdapat Muhammad Bin an-Nukman al-Bahil dari bapanya, keduanya terlalu lemah. Diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi, menurutnya hadis lemah. Hadis seterusnya ialah:

مَنْ زَارَنِيْ بَعْدَ مَوْتِيْ فَكَأَنَّمَا زَارَنِيْ فِى حَيَاتِيْ.

"Sesiapa yang menziarahi aku setelah kewafatanku, maka seakan-akan dia menziarahi aku semasa aku hidup". H/R Darqutni. Dalam sanadnya seorang yang majhul dan dalam riwayat Abu Ya'la terdapat Hafs Bin Daud dia seorang yang lemah. Hadis ini sangat lemah.

مَنْ زَارَنِيْ بِالْمَدِيْنَةِ مُحْتَسِبًا كَنْتُ لَهُ شَفِيْعًا شَهِيْدًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"Sesiapa yang menziarahiku di Madinah kerana mengharapkan kebaikan, aku akan memberi syafaat dan menjadi saksi baginya di Hari Kiamat". H/R Ibn Abi Dunya dari jalan Anas bin Malik. Dalam sanadnya terdapat Zaid al-Ka'bi, seorang yang lemah hadisnya. Dan riwayat dari Abu Daud at-Tayalisi dari jalan 'Umar dan sanadnya majhul. Hadis ini lemah.

WAHHABI ATAU ASY-SYAFIE

Fahami hadis Rasulullah yang menjelaskan agar sentiasa membaca al-Quran di rumah bukan di kuburan, kerana diharamkan mengaji di kubur walaupun di kubur yang dianggap kubur keramat:

لاَ تَجْعَلُوْا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ ، اِنَّ الشَيْطَانَ يَنْفِرُ مِـــنَ الْبَيْـــتِ الَّذِى تُقْرَاُ فِيْهِ سُوْرَة الْبَقَرَةِ.

"Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu seumpama perkuburan, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibacakan di dalamnya surah al-Baqarah". H/R Muslim, 2/188. Ahmad, 2/284, 337, 387, 388. Tirmizi dan Nasaii.

عَنِ ابْنِ عُمَرَرَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَـــالَ : قَـــالَ رَسُـــوْلُ اللهِ صَلَّىاللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اِجْعَلُوْا فِى بُيُوْتِكُمْ مِنْ صَـــلاَتِكُمْ وَلاَ تَتَّخِذُوْاهَا قُبُوْرًا.

“Dari Ibnu ‘Umar berkata: Bersabda Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa-sallam: Jadikanlah rumah-rumah kamu sebahagian dari solat-solat kamu dan janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu itu seumpama kuburan”. H/R Bukhari 1/112. 2/56. Ahmad 2/16, 6/65. Ibnu Majah (1377). Abu Daud (1448). Dan Baihaqi 2/186, 435.

Kata Uthman El-Muhammady: Dalam hubungan dengan ibadat, apabila kita berbincang mengenai solat, golangan ini (Wahhabi) tidak mahu kita mengikut ibadat solat seperti yang ada dalam ajaran fiqh mengikut mazhab. Katakanlah di Malaysia, kita sembahyang mengikut Imam Syafie. Mereka mahu kita ‘sembahyang nabi’ dan maksud ‘sembahyang nabi’ itu adalah sembahyang yang dihuraikan oleh Syeikh Nasir al-Din Albani dalam bukunya *Solatun-Nabi*. Kalau kita solat mengikut mazhab kata mereka, itu bukan sembahyang nabi, itu sembahyang imam mazhab, itu ibadah kata mereka. Jadi kalau kita belajar solat mengikut ajaran ibu bapa kita, maka logiknya boleh dikatakan solat ibu bapa dan demikianlah seterusnya.

Bagi Ahli Sunnah, wajib orang yang bukan mujtahid mengikut imam mujtahid kerana diperintah

oleh al-Quran – bertanyalah kepada ahli ilmu kalau kita tidak tahu, ahli ilmu yang tertinggi dalam syariat ialah imam mujtahid, sebenarnya orang seperti Nasir al-Din Albani pun perlu bertanya kepada imam mujtahid, dengan merujuk kepada teks mereka dan mengikut panduan mereka tetapi dia tidak mahu kerana memikirkan dia mujtahid. Wallahu alam.

Pada Ahli Sunnah, semua imam mujtahid berada di jalan yang betul (sirat al-mustaqim). Dalam hubungan dengan ibadat juga, mereka membidaahkan azan dua kali pada hari Jumaat, (kalau begitu sahabat nabi seperti Saidina Othman pun buat bidaah).

SEMBAHYANG IKUT ASY-SYAFIE

Ulasan dan bantahan URD: Menurut kenyataan Uthman El-Muhammady: "Di Malaysia kita sembahyang ikut Imam Syafie". Apakah benar dakwaan Uthman El-Muhammady? Itu hanya pembohongan belaka! Beliau menyeru kembali kepada Imam mujtahid, siapakah imam mujtahid yang beliau maksudkan? Apakah Imam asy-Syafie?

Uthman El-Muhammady perlu mengkaji semula keseluruhan apa sahaja yang berkaitan dengan cara wuduk, sembahyang, cara memberi salam dan zikirnya Imam asy-Syafie sebelum beliau memberi kenyatan. Setelah itu perhatikan cara wuduk dan solat kebanyakan orang-orang Islam di Malaysia, apakah benar-benar mengikut sifat wuduk dan solatnya Imam asy-Syafie? Sebenarnya kebanyakan mereka telah meninggalkan cara wuduk dan solat Imam asy-Syafie. Contohnya tentang solat:

a. Tidak akan terdapat sama ada di dalam kitab al-Umm, al-Muhazzab, al-Majmu', al-Muhalla,

syarah Muslim dan selainnya yang mengajar agar melafazkan niat (nawaitu) sebelum mengerjakan solat (sebelum takbiratul Ihram). Hanya yang diperintah oleh Imam asy-Syafie dan para ulama Syafieyah hanyalah berniat di dalam hati. Adapun mengqiaskan agar melafazkan niat dengan talbiyah haji, perkara serupa ini tidak pernah diajarkan sama ada oleh Imam asy-Syafie, Imam an-Nawawi, Imam Muslim atau Imam al-Bukhari. Adapun talbiyah adalah zikir haji yang diajarkan oleh Rasulullah dan tidak pernah ditinggalkan oleh baginda, para sahabat dan para Salaf as-Soleh.

b. Kaifiyah solat Jumaat, Mereka yang mengaku bermazhab asy-Syafieyah di Malaysia melanggar tata-cara solat yang diajarkan oleh Imam asy-Syafie. Sebagai bukti, berkata Imam asy-Syafie:

وَأُحِبُّ أَنْ يَكُوْنَ أْلأَذَانُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ حِيْنَ يَدْخُلُ أْلإِمَـــامُ الْمَسْجِدَ وَيَجْلِسُ عَلَى مَوْضعه الَّذِيْ يَخْطُبُ عَلَيْه خَشَبٍ أَوْ جَرَيْدٍ أَوْ مِنْبَرٍ أَوْ شَيْءٍ مَرَفُوْعٍ لَهُ أَوْ الأَرْضِ ، فَإِذَا فَعَلَ

أَخَذَ الْمُؤَذِّنُ فِى اْلأَذَانِ ، فَإِذَ فَرَغَ قَامَ فَخَطَــب لاَيَزِيْــدُ عَلَيْهِ.

"Dan aku lebih suka agar azan pada hari Jumaat diketika imam masuk masjid dan duduk di atas suatu tempat yang dia ingin berkhutbah di atasnya, seperti di atas kayu, pelepah atau di atas mimbar, atau suatu tempat yang tinggi atau di atas lantai. Setelah imam berada dalam keadaan di atas mimbar, maka muazin memulakan azan, setelah selesai azan imam terus berdiri menyampaikan khutbahnya. Tidak ada penambahan di atas yang demikian". Lihat: Al-Umm. 1/195.

Imam asy-Syafie menambah:

وَأَيُّهُمَا كانَ فَاْلأَمْرُ الَّذِيْ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلُ اللهِ صَــلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَبَّ عَلَيَّ.

"Walau bagaimanapun antara dua pendapat ('Uthman atau Mu'awiyah), maka yang berlaku dizaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam

azan pertama (azan sekali) adalah yang lebih aku sukai". Lihat: al-Umm. 1/195.

Imam asy-Syafie memberi kesimpulan tentang azan Jumaat:

فَاتْرُكْهُ لاَ بَأْسَ.

"Maka lebih utama ditinggalkan (azan dua kali)". Lihat: الحاوي الكبير 3/39. Al-Mawardi.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ رَاحَ إِلَى الْجُمُعَةِ ، فَلَمَّا زَالَتْ الشَّمْسُ خَرَجَ عَلَيْهِمْ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ ، فَجَلَسَ عَلَة الْمِنْبَرِ ، فَأَخَذَ الْمُؤَذِّنُ فِي أَذَانِهِ ، فَلَمَّ سَكَتَ ، قَامَ فَحَمِدَ اللهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ.

"Dari Ibnu Abbas radiallahu 'anhuma, bahawa ia pergi ke masjid untuk solat Jumaat, maka setelah tergelincir matahari 'Umar Bin al-Khattab terus keluar ke masjid, beliau terus duduk di atas mimbar dan muazin (tukang azan) terus

mengumandangkan azannya. Selesai azan 'Umar terus bangkit berkhutbah dengan memuji Allah". Sanad hadis ini sahih. Lihat: مختصر اتحاف السادة المهرة بزوائد المسانيد العشرة للبوصيري no. 1779. 1/525.

Imam asy-Syafie tidak pernah mendirikan solat dua rakaat qabliyahtul Jumaah, tetapi rata-rata di Malaysia penganut mazhab asy-Syafie melanggar fatwa Sang Imam yang mulia dan mengingkari fatwa para ulama besar yang bermazhab asy-Syafie.

Uthman El-Muhammadi berkata: Qunut Subuh, berdoa dan mengaminkannya beramai-ramai di masjid, zikir beramai-ramai, tahlil beramai-ramai, membaca Yasin malam Jumaat semua dikatakan bidaah.

MENGAKU BERMAZHAB ASY-SYAFIE

Ulusan dan penjelasan URD: Rata-rata masyarakat Islam di Malaysia yang mengaku bermazhab asy-Syafie, (tetapi amat menduka citakan) kebanyakan amalan mereka bukan sahaja bertentangan dengan fatwa Imam asy-Syafie tetapi benar-benar menentang Imam asy-Syafie. Contohnya, al-Baihaqi ulama hadis terkenal yang bermazhab asy-Syafie meriwayatkan kata-kata Imam asy-Syafie:

إِذَا صَحَّ عِنْدَكُمُ الْحَدِيْثُ عَنِ النَّبِيِّ فَقُوْلُوْاحَتَّى أَذْهَبَ إِلَيْهِ

"Apabila kamu dapati sahih sebuah hadis dari Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam, maka sampaikanlah kepadaku, agar aku dapat berpendapat (berpegang) dengannya". Lihat: Manaqib Syafie (1/476).

Dan Imam asy-Syafie berwasiat:

إِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ فَهُوَ مَذْهَبِيْ.

"Apabila hadis itu sahih, maka itulah mazhabku". Lihat: Hilyatul Auliya' Abu Nu'aim. Disahihkan oleh an-Nawawi dalam Majmu' Syarah al-Muhazzab (1/63). Al-Mizanul Kubra (1/57). Asy-Sya'rani.

Dan Imam asy-Syafie berpesan:

وَلاَ تُقَلِّدُوْنِيْ

"Janganlah kamu bertaklid kepadaku".

Imam Asy-Syafie terus berpesan:

إِذَاصَحَّ لَكُمُ الْحَدِيْثُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ فَخُذُوْابِهِ وَدَعُوْاقَوْلِيْ

"Apabila telah sahih sebuah hadis dari Rasulullah, maka ambillah hadis tersebut, kemudian tinggalkanlah apa yang telah menjadi pendapatku". Lihat: Al-Bidayah wan-Nihayah (5/276). Ibnu Kathir.

Berkenaan Qunut Subuh yang disentuh oleh Uthman El-Muhammady, beliau tidak perlu memperkatakannya jika hanya mewakili suara ramai yang mengaku bermazhab asy-Syafie di Malaysia. Kerana hadis-hadis Qunut Subuh kebanyakannya hadis lemah dan ada yang bertaraf palsu, sedangkan Imam asy-Syafie berwasiat agar kita berpegang dengan hadis yang sahih, kerana itulah mazhabnya sebagaimana yang telah dijelaskan. Adapun hadis-hadis qunut antaranya dari 'Ashim bin Sulaiman berkata:

"Kami telah bertanya kepada Anas bin Malik radiallahu 'anhu: 'Orang-orang beranggapan bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wa-sallam sentiasa berqunut dalam solat Subuhnya, benarkah begitu? Anas menjawab: Dustalah mereka! Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam hanya berqunut selama sebulan penuh, dia mendoakan kecelakaan atas suatu kabilah dari kabilah-kabilah musyrikin". Lihat: Imam Ibnu Hajar Asqalani dalam Fathul-Bari, dinukil dari Nailul-Authar, asy-Syaukani dan Himpunan Hadis-hadis Hukum (2/646).

"Abi Malik al-Asyjaii berkata, aku telah bertanya kepada ayahku: "Wahai ayahku!

Sesungguhnya engkau pernah solat di belakang Rasulullah, Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman dan Ali Bin Abi Thalib di sini di kufah, selama lebih lima tahun, apakah mereka semua membaca doa qunut? Dia (ayahnya) berkata: “Hai anakku, doa qunut itu adalah suatu yang bid’ah”. H/R Turmizi no. 0398-0399. Ahmad, Nasaii dan Ibnu Majah no. 1241.

MENYAPU MUKA

Rata-rata orang-orang yang mengaku bermazhab asy-Syafie menyapu tengkuk, kepala, ubun-ubun dan terus ke muka setelah memberi salam, apakah ini ada perintahnya dari Nabi, Imam asy-Syafie dan para ulama bermazhab asy-Syafie? Lihatlah apa penjelasan Imam al-Baihaqi yang bermazhab asy-Syafie:

وَأَمَّا فِى الصَّلاَةِ فَهُوَ عَمَلٌ لَمْ يُثْبِتْ بِخَبَرٍ صَحِيْحٍ وَلاَ أَثَرٌ ثَابِتٌ وَلاَ قِيَاسٌ ، فَالأَوْلَى أَنْ لاَ يَفْعَلْهُ وَيَقْتَصِرْ عَلَى مَا فَعَلَهُ السَّلَفُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ مِنْ رَفْعِ الْيَدَيْنِ دُوْنَ مَسْحِهِمَا الْوَجْهِ فِى الصَّلاَةِ.

"Adapun mengusap muka selepas solat, maka itu adalah amalan yang tidak ada dalilnya yang sahih, tidak ada riwayat dari ulama salaf, juga tidak ada dalil berupa kias, maka yang utama ialah kita tidak

melakukannya, memadai dengan apa yang telah dilakukan oleh ulama salaf radiallahu ‘anhum, iaitu setelah selesai solat memadai mengangkat tangan berdoa tanpa mengusapkannya ke muka”. Lihat: As-Sunan al-Kubra, (2/212) oleh Al-Baihaqi.

Uthman El-Muhammady menyentuh tentang berzikir beramai-ramai setelah solat, beralasan itulah cara beribadah mengikut Imam asy-Syafie. Tahukah beliau bahawa Imam asy-Syafie menyeru agar berzikir dengan memperlahan suara setelah solat. Tetapi masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Malaysia menggunakan pembesar suara ketika berzikir selepas solat, sehingga mengganggu orang yang solat masbuk, para penduduk yang menghuni di persekitaran masjid dan membuat hingar-bingar sehingga mengganggu bayi yang sedang tidur nyenyak, apakah ini mengikut cara solat Imam asy-Syafie? Imam asy-Syafie berfatwa:

حَمَلَ الشَّافِعِيُّ هَذَا الْحَدِيْثَ عَلَى أَنَّهُ جَهْرٌ وَقْتًا يَسِيْرًا حَتَّى يَعْلَمُهُمْ صِفَةَ الذِّكْرِ ، لاَ أَنَّهُمْ جَهَرُوْا دَائمًا . قَالَ : فَاخْتَارَ لِلإِمَامِ وَالْمَأْمُوْمِ أَنْ يَذْكُرَ اللهَ تَعَالَى مِنَ الصَّلاَةِ

وَيُخْفِيَان ذَلِكَ ، إِلاَّ أَنْ يَكُوْنَ إِمَامًا يُرِيْدُ أَ يَــتَعَلَّمَ مِنْــهُ ، فَيَجْهَرُ حَتَّى يَعْلَمَ أَنَّهُ قَدْ تَعَلَّمَ مِنْهُ ثُمَّ يُسِرُّ وَحَمَل الْحَدِيْثُ عَلَى هَذَا.

"Imam asy-Syafie mensyarahkan hadis(sifat zikir) ini bahawa baginda menguatkan suaranya dalam beberapa waktu sahaja, bertujuan mengajar sahabatnya cara berzikir, dan baginda tidaklah sentiasa berterusan menguatkan suaranya. Beliau (Imam asy-Syafie) berkata: Saya berpendapat bahawa imam dan makmum hendaknya mereka berzikir kepada Allah selepas solatnya, hendaknya mereka memperlahankan suara zkirnya, kecuali bagi imam yang ingin agar para makmumnya belajar berzikir darinya, maka boleh menguatkan zikirnya, sehingga dia merasakan bahawa para makmum sudah cukup belajar, ia kembali memperlahankan suaranya. Dan cara inilah yang dimaksudkan oleh hadis". Lihat: al-Umm (1/126). Imam asy-Syafie. Syarah Muslim 5/84. An-Nawawi. Fathul Bari (2/326). Ibnu Hajar al-Asqalani.

وَأَخْتَارَلِلإِمَامِ وَالْمَأْمُوْمِ أَنْ يَذْكُرَ اللهَ بَعْدَ اْلإِنْصِرَافِ مِــــنَ الصَّلاَةِ ، وَيُخْفِيَانِ الذِّكْرَ ، إِلاَّ أَنْ يَكُوْنَ إِمَامًا يُحِـــبُّ أَنْ يتَعَلَّمَ مِنْهُ ، فَيَجْهَرُ حَتَّى يَرَى أَنَّهُ قَدْ تَعَلَّمَ مِنْهُ ، ثُمَّ يُسِرُّ . فَإِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُــوْلُ : { وَلاَ تَجْهَــرْ بِـــصَلاَتِكَ وَلاَ تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بِيْنَ ذَلِكَ سَبِيْلاً} وَاللهُ تَعَالَ أَعْلَمْ.

"Aku berpendapat agar imam dan makmum berzikir kepada Allah setelah selesai solat, hendaklah mereka merendahkan (perlahankan) suara ketika berzikir, kecuali bagi imam yang ingin agar para makmumnya belajar (berzikir). Maka imam boleh menjelaskan suara zikirnya, dan apabila imam merasa makmum telah mempelajarinya, ia kembali merendahkan suaranya, kerana Allah 'Azza wa-Jalla telah berfirman: (Dan janganlah kamu menguatkan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendahkannya. QS. Al-ISRA 17:110***)".*** Lihat: Al-Umm (1/127) Imam asy-Syafie.

Qaul Imam asy-Syafie dijelaskan oleh Yahya Bin Abil Khair al-'Imrani bermazhab asy-Syafie:

عَلَى أَنَّهُ أَرَادَ بِذَلِكَ لِيَتَعَلَّمَ النَّاسُ ، وَتَحْمَلُ رِوَايَةٌ مِنْ رَوَى أَنَّهُ مَكَثَ قَلِيْلاً ثُمَّ انْصَرَفَ عَلَى أَنَّهُ دَعَا سِرًّا بِحَيْثُ يَسْمَعُ نَفْسَهُ.

"Yang dikehendaki bahawa baginda melakukan hal tersebut agar para sahabat baginda belajar dari baginda. Dan riwayat perawi yang menyebutkan bahawa baginda setelah selesai solat diam sejenak kemudian berdiri dan pergi. Dimaksudkan bahawa baginda berdoa dengan merendahkan suaranya sehingga baginda hanya perdengarkan dirinya sendiri". Lihat: Al-Bayan, (2/250.) Yahya Bin Abil Khair al-'Imrani.

Berkata Imam an-Nawawi ulama besar bermazhab asy-Syafie:

إِنَّ الذِّكْرَ وَالدُّعَاءَ بَعْدَ الصَّلاَةِ يَسْتَحِبُّ أَنْ يَسِرَّ بِهِمَا إِلاَّ أَنْ يَكُوْنَ إِمَامًا يُرِيْدُ تَعْلِيْمَ النَّاسَ فَيَجْهَرُ لِيَتَعَلَّمُوْا ، فَــإِذَا تَعَلَّمُوْا وَكَانُوْا عَالِمِيْنَ أَسِرَّهُ.

"Sesungguhnya ketika berzikir dan berdoa selepas solat, disunnahkan agar keduanya diperlahankan suara, kecuali jika sekiranya imam ingin mengajar manusia, maka dibolehkan untuk menguatkan suaranya agar mereka belajar darinya. Dan apabila dirasakan mereka telah mempelajarinya dan sudah mengetahuinya, maka hendaklah kembali diperlahankan suaranya". Lihatt: Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab. (3/469). An-Nawawi.

Uthman El-Muhammady menyentuh tentang tahlilan dan bacaan yasin beramai-ramai yang telah dijadikan amalan khusus pada malam Jumaat oleh masyarakat Islam di Malaysia. Sedangkan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa-sallam* bersabda:

لاَتَخُصُّوْا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ بَيْنَ اللَّيَالِيْ.

"Janganlah kamu khususkan malam Jumaat untuk melakukan sesuatu ibadah antara malam-malam yang lain". H/R Muslim no 1930. As-Siyam.

Uthman El-Muhammady cuba menghalalkan amalan-amalan yang telah dihukum haram dan

bid’ah oleh Imam asy-Syafie, beliau bungkus dengan jenama Mazhab asy-Syafie. Contohnya, antara perkara yang diharamkan oleh Imam asy-Syafie ialah berkumpul semula khususnya pada waktu malam harinya (kalau masyarakat di Malaysia untuk bertahlil) di rumah orang mati setelah mayat dikebumikan. Ia diharamkan oleh Imam asy-Syafie kerana ia menimbulkan kesedihan yang baru dan ratapan. Amalan seperti ini yang diharamkan oleh Imam asy-Syafie ia terjadi diseluruh rumah-rumah orang Islam yang mengaku bermazhab asy-Syafie, termasuklah di perkuburan orang-orang Islam. Terang-terangan Imam asy-Syafie sendiri telah menegaskan dengan fatwanya:

وَاَكْرَهُ الْمَاْتَمَ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ وَاِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ بُكَاءٌ فَـــاِنَّ ذَلِكَ يُجَدِّدُ الْحُزْنَ.

“Aku memakruhkan maktam, iaitu berkumpul-kumpul untuk si Mati walaupun tidak ada tangisan, kerana maktam akan menimbulkan kesedihan yang baru”. Lihat: Al-Umm, 1/248.

Maktam telah diharamkan dan dihukum bid’ah oleh Imam asy-Syafie kerana dianggap memperbaharui ratapan.

Berkata Uthman El-Muhammady: Dalam hubungan dengan hidup rohaniah juga mereka menentang tasauf padahal diijmakkan dalam Ahli Sunnah ia sebahagian daripada ilmu syarak yang sah. Imam Ahmad bin Hanbal turut terbabit dalam tasauf. Hakikatnya, tanpa ilmu dan amalan tasauf atau sekurang-kurangnya sekadar tahap fardu ain, hidup ibadat dan kerohanian orang Islam tidak mantap. Wallahu alam.

IMAM ASY-SYAFIE
MEMBENCI SUFI & TASAWUF

Bantahan URD: Uthmah El-Muhammady sering berkata dengan beralasan atau atas nama Imam asy-Syafie. Tapi dalam isu tasawuf beliau merujuk kepada Imam Ahmad Bin Hambal.

Tahukah beliau bahawa Imam al-Baihaqi yang bermazhab asy-Syafie telah menukil dari qaul Imam asy-Syafie dan beliau menjelaskan bahawa Imam asy-Syafie sangat benci terhadap golongan sufi atau tasawuf. Imam asy-Syafie berkata:

اَلتَّصَوُّفُ مَبْنِيٌّ عَلَى الْكَسَلِ ، وَلَوْ تَـــصَوَّفَ رَجُـــلٌ أَوَّلَ النَّهَارِ ، لَمْ يَأْتِ الظُّهْرِ إِلاَّ وَهُوَ أَحْمَق.

"Tasawuf dibina di atas kemalasan, jika sekiranya seorang lelaki menganut sufi (tasawuf) diawal siang (pagi hari), tidak akan sampai keZohor dia akan menjadi seorang yang biul/goblok atau

dungu". Lihat: مصرع التصوف أو تنبيـــه الغـــبي إلى تكفـــير ابـــن عـــربي Bahruddin al-Baihaqi. Tahqiq Abdulrahman al-Wakil.

Imam asy-Syafie sangat benci terhadap keekstreman, keradikalan, kezindikan[22] dan amalan-amalan bid'ah kaum-kaum sufi/tasawuf yang dianggap sebagai golongan zindik oleh Imam asy-Syafie, tetapi sufi/tasawuf menjadi anutan Uthman El-Muhammady sedangkan Imam asy-Syafie menganggap sebagai golongan pelaku bid'ah, fasik dan zindik. Imam asy-Syafie melarikan diri dari kaum sufi/tasawuf yang dikatakan golongan zindik dan bid'ah. Beliau menjelaskan:

"Saya meninggalkan Kota Basrah kerana di sana terdapat golongan zindik (sufi/tasawuf), mereka mengerjakan sesuatu yang bid'ah yang mereka sebut dengan tahlilan". Lihat: Talbisu Iblis. Hlm. 370. Ibnu Qaiyim al-Jauzi.

Imam asy-Syafie berkata lagi:

[22] . Zindik menurut Kamus Istilah Fiqh: Orang yang tidak bertuhan. Kadang-kadang menampakkan keimanannya dan menyembunyikan kekufurannya.

مَنْ يَدِيْنُ بِهَذَا فَهُوَ زِنْـــدِيْق ، أَوْ بِتَعْبِيْـــرٍ أَدَق : صُـــوْفِي فَالصُّوْفِيَّةُ مُرَادِفَةٌ لِكُلِّ مَا يُنَاقِضُ اْلإِيْمَان الْحَقّ.

"Sesiapa bergabung dengan agama sufi maka dia adalah seorang zindik, atau dengan ibarat yang lebih jelas: (Apabila seseorang menjadi) sufi, maka penganut sufi samalah seperti seorang yang menentang kebenaran iman". Lihat: As-Silatu Baina at-Tasauf wa-Tasya'u. hlm. 467. Dr. Kamal Mustafa.

Perkataan Imam asy-Syafie ada kebenarannya apabila dirujuk kepada kata-kata seorang tokoh sufi al-Hallaj, beliau berkata:

كَفَرْتُ بِدِيْنِ اللهِ وَالْكُفْرُ وَاجِبٌ

لَدَيَّ وَعِنْدَ الْمُسْلِمِيْنَ قَبِيْحٌ

"Aku telah kufur dengan agama Allah, sedang kekufuran adalah kewajipan menurutku. Dan disisi orang-orang Islam kufur itu adalah buruk".

Lihat: Al-Anwar al-Qudsiyah. Hlm. 134. Muhammad ar-Rukhawi.

Masih banyak lagi kepercayaan, amalan, tradisi dan perkataan kaum sufi yang terkeluar dari landasan syarak. Semoga Allah menyelamatkan umat Islam dari berbagai-bagai keburukan dan fitnah orang-orang yang mengaku-ngaku bermazhab asy-Syafie dan yang memusuhi Wahhabi tanpa usul periksa. Dan mudah-mudahan para pembaca sentiasa diberkati dan diselamatkan dari kesesatan bid’ah, syirik, khurafat dan tahaiyul yang sedang diamal dan dikembangkan oleh ahli bid’ah. Amin ya Rabbal ‘alamin!

وصلى الله على محمد وعلى آله وأصحابه وسلم ، والحمد لله رب العالمين.